

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوْ كُنَّ بِمَنَارًا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN POLISI

PENYELIDIKAN & PENERBITAN DAN PENGKOMERSILAN

KETUA PTJ :

NOR HAFIZAH BINTI MOHAMED HARITH

KETUA UNIT KUALITI :

JENIWATY BINTI MOHD JODY

PENYELARAS :

NURUL HIDAYANA BINTI MOHD NOOR

PENULIS :

1. NURUL HIDAYANA BINTI MOHD NOOR
2. NURUL HIDAYANA BINTI MOHD NOOR
3. JENIWATY BINTI MOHD JODY
4. HANIM BINTI ISMAIL
5. SHAWAL BIN SAHID HAMID@HUSSAIN
6. NORMARLIANA BT LAILI
7. YUS AZNITA BINTI USTADI

8. MAY SAPURA BINTI MOHD SHAZILLI
9. MAY SAPURA BINTI MOHD SHAZILLI
10. NOR SYAMALIAH BINTI NGAH
11. NUR ZAFIFA BINTI KAMARUNZAMAN
12. NOORIE HARYANIEE BINTI MOULTON
13. HAZARIAH YAIS BINTI RAZALI
14. NASYRAH BINTI AHMAD
15. NORRAIDAH BINTI ABU HASAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP) memberi perhatian yang tinggi dalam menggembeng tenaga untuk menyediakan PERANCANGAN pelan tindakan berkaitan hal-ehwal penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan sepanjang tahun 2024. Aktiviti dan program yang disediakan adalah selaras dengan Falsafah, Visi dan Misi serta Objektif UiTM, dan dilaksanakan selari dengan teras strategik, inisiatif utama dan petunjuk prestasi yang telah ditetapkan oleh UiTM. Usaha ini adalah sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menjadi “Universiti Terkemuka Dunia” menjelang tahun 2025 bagi memenuhi hasrat negara mencapai objektif “**Wawasan Kemakmuran Bersama**”. Diperingkat fakulti, pelan tindakan strategik yang berkaitan hal-ehwal bidang tumpuan boleh dirujuk di dalam **Buku Perancangan Strategik FSPPP 2022 – 2025**, yang menyokong KPI/Sasaran dalam bidang penerbitan, penyelidikan dan pengkomersilan.

Dibawah teraju utama **Dekan** iaitu **Prof. Dr. Nor Hafizah binti Mohamed Harith**, pasukan **RiCAEN** yang diketuai oleh **Timbalan Dekan Dr. Radduan Yusof** bersama pasukan yang mantap dan komited (Lampiran 1.1a) telah **merancang** dengan teliti berkaitan hal-ehwal penerbitan dengan hebahan dalam mesyuarat utama fakulti (Lampiran 1.1b) sebanyak dua kali dalam setahun kepada warga akademik fakulti tentang PI Penerbitan yang perlu dan telah dicapai, melantik PIC (Lampiran 1.1a) bagi urusan pelaksanaan bengkel, webinar dan mesyuarat berkaitan serta kesediaan pengurusan FSPPP dalam memberi kelulusan peruntukan kewangan bagi penganjuran program berbentuk penulisan (Lampiran 1.1c). Begitu juga halnya dalam hal ehwal penyelidikan dengan hebahan kepada warga akademik fakulti tentang PI Penyelidikan yang perlu dan telah dicapai (Lampiran 1.1d), galakan kepada warga fakulti untuk memohon geran luar (industri/kerajaan) dan mewartakan peluang penyelidikan yang ada serta membentuk research team yang terdiri daripada pensyarah *senior* dan *junior*. Seterusnya, dalam hal-ehwal pengkomersialan dengan memberi galakan kepada pensyarah untuk melibatkan diri dengan aktiviti berkaitan bagi tujuan pengkomersialan melalui penulisan akhbar, keterlibatan pensyarah dalam wawancara TV, Radio dalam memastikan ketampakan FSPPP, serta kelulusan peruntukan kewangan dalam pertandingan inovasi.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan kepada perancangan yang telah di muafatkan bersama dengan warga FSPPP, pengurusan FSPPP telah mengambil inisiatif untuk **melaksanakan** empat aktiviti utama dalam mencapai KPI penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan dalam **Pelan Transformasi Strategik (PTS)**.

FSPPP mengambil pendekatan **proaktif dengan pemantauan secara berkala** terhadap PTS yang direncanakan. Langkah ini melibatkan pelaporan daripada Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) yang dibentangkan secara telus di dalam mesyuarat fakulti sebanyak dua (2) kali setahun. Ini membolehkan warga FSPPP cakna tentang PI yang telah dicapai. Sekaligus memberi persepsi positif kepada warga yang menunjukkan bahawa fakulti memantau ketiga-tiga PI ini (Lampiran 1.1e).

Kesimpulannya, langkah **penambahbaikan** yang diambil oleh pengurusan FSPPP adalah berdasarkan hasil analisis data pemantauan yang telah dibentangkan di mesyuarat fakulti. Menerusi perbincangan ini, strategi penambahbaikan bagi petunjuk prestasi fakulti yang belum tercapai dan pemeraksanaan petunjuk prestasi yang telah mencapai sasaran akan diputuskan untuk tindakan yang bersesuaian. Semakin berkala terhadap pencapaian PI melalui mesyuarat utama dan rasmi fakulti turut menyediakan platform agar bilangan penerbitan, nilai geran penyelidikan disemak dan ditambah baik. Penambahbaikan ini diselaraskan mengikut halatuju universiti berdasarkan objektif dan inisiatif strategik FSPPP.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pihak pengurusan FSPPP telah mengambil **pendekatan** yang agresif dalam merealisasikan pelaksanaan dan pencapaian PI di dalam PTS fakulti sehingga berjaya melonjakkan pencapaian di dalam tahun 2024. Pendekatan yang mencakupi empat aspek utama iaitu:

1. **Motivasi – “Publication Reward” insentif 2024** (Lampiran 1.2a)
2. **PACE – Mengorganisasikan program inovasi iaitu penajaan IIDEX 2024** (Lampiran 1.2b)
3. **Proses – “Fund Assistance Innovation” dan “Mini Sabbatical Innovation”** (Lampiran 1.2c)
4. **Produktiviti – IIDEX 2024** (Lampiran 1.2d)

Bagi memastikan pencapaian yang cemerlang pada tahun 2024, langkah bermula dengan suntikan motivasi kepada warga FSPPP yang boleh dilihat dengan pemberian **“Publication Reward”** insentif. Ianya dapat membina semangat dan menarik penglibatan staf dalam penulisan, penyelidikan dan pengkomersilan. Dengan adanya motivasi ini, lahirnya pendekatan kedua iaitu memacu budaya penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan yang progresif contohnya melalui penajaan **IIDEX 2024**. Langkah seterusnya pula adalah dengan memberikan ruang masa dan bantuan untuk warga FSPPP menulis mengikut kelapangan masa masing-masing secara berkala contohnya melalui **“mini sabbatical inisiatif”**. Pendekatan terakhir adalah penghasilan produktiviti dari tiga pendekatan yang terdahulu yang dapat dilihat dari penglibatan warga FSPPP dalam **IIDEX 2024**. Ini menjadikan penulisan, penyelidikan dan pengkomersialan sebagai nada kecemerlangan FSPPP.

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_K01_KB02_20251_Kepimpinan 1_Lampiran 1.1a-d.pdf](#)
2. [F0064_K01_KB02_20252_Kepimpinan 1_Lampiran 1.2a-d.pdf](#)
3. [F0064_K01_KB02_20253_Kepimpinan 1_Lampiran 1.1e.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP), UiTM komited melaksanakan pelan strategik secara bersepadu bagi memperkasa bidang penyelidikan, pengkomersialan dan penerbitan selaras dengan hasrat universiti menjadi peneraju ilmu berimpak tinggi.

Bagi memperkukuh penyelidikan, Pengurusan Kanan PTJ telah menggunakan sasaran **Petunjuk Prestasi Utama (KPI)** yang telah digariskan oleh Pejabat **Transformasi Universiti (PTU)** dan meneruskan legasi menggalakkan pembangunan **kelompok penyelidikan (research clusters)** berdasarkan bidang tumpuan fakulti seperti tadbir urus awam, dasar sosial dan reformasi institusi. Galakan ini disokong melalui penyediaan bengkel penulisan proposal geran, sesi bimbingan bersama penyelidik kanan, serta inisiatif mentor-mentee penyelidikan secara berterusan. Pengurusan juga menetapkan sasaran minimum geran penyelidikan tahunan bagi setiap pensyarah berdasarkan kepada objektif, matlamat dan visi universiti, sekaligus memupuk budaya penyelidikan proaktif dan lestari.

Dalam aspek pengkomersialan, pihak PTJ melaksanakan strategi pemetaan hasil penyelidikan kepada potensi nilai pasaran melalui kerjasama dengan Unit Pengurusan Inovasi di peringkat universiti dan menyokong penglibatan aktif dalam program terutama **Invention, Innovation and Design Exposition (iidex)**. Bagi produk berpotensi, sokongan diberikan dalam bentuk perundingan harta intelek, pemfailan paten dan pendaftaran hak cipta melalui Unit Pengurusan Inovasi. Ahli Jawatankuasa Fakulti, RICAEN bersama Timbalan Dekannya turut berperanan mengenalpasti hasil penyelidikan berdaya komersil serta membimbing pensyarah untuk mengemukakan produk ke pasaran.

Demi memantapkan penerbitan ilmiah, Pengurusan Kanan PTJ telah menetapkan indikator prestasi penerbitan berimpak sebagai sebahagian penilaian tahunan staf akademik selari dengan matlamat yang di letak oleh pihak universiti. Bengkel penulisan jurnal berfokus kepada **Penulisan Pantas** dan penggunaan **AI (Artificial Intelligence)** dianjurkan, manakala sokongan teknikal turut diberikan melalui pasukan editorial dalaman fakulti. PTJ juga mempromosi penerbitan bersama **antarabangsa (collaborative publication)** sebagai strategi meningkatkan sitasi dan jaringan akademik global.

Melalui pendekatan ini, FSPPP menunjukkan kesungguhan dalam menjadikan penyelidikan, pengkomersialan dan penerbitan sebagai tonggak kecemerlangan akademik fakulti, seiring dengan visi universiti ke arah pengantarabangsaan ilmu.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_K01_KB03_20251_Kepimpinan_1_Lampiran_1.3a.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan bidang tumpuan dan mengenalpasti punca kegagalan sesuatu inisiatif, Pengurusan Kanan PTJ akan melaksanakan pelan pemantauan berikut:

1. Bengkel Perancangan Strategik

Laporan pencapaian strategik terdahulu di bincangkan pada permulaan hari pertama Bengkel Perancangan Strategik yang dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan Fakulti bersama-sama dengan Pentadbir Akademik dan Ahli Pengurusan Fakulti (Lampiran 1.4.1a).

Penggunaan petunjuk prestasi utama (KPI) yang diberi oleh PTU digunapakai bagi menilai tahap pencapaian.

Penilaian hasil berbanding perancangan melalui *dashboard* prestasi dari PTU dilakukan sewaktu bengkel dijalankan.

2. Pemantauan secara berkala

Pemantauan berkala pencapaian oleh Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi dan Penyelaras Perancangan Strategik dan Transformasi FSPPP dalam setiap Mesyuarat Pengurusan FSPPP dan juga Mesyuarat MKSP (Lampiran 1.4.1b). Pemantauan pencapaian & keberkesanan program berdasarkan pelaporan aktiviti yang melibatkan PTU dilakukan pada setiap bulan dibantu oleh Penyelaras PTU Fakulti.

Pengumpulan maklum balas daripada pelaksana dan kumpulan berkepentingan di pantau oleh koordinator penyelidikan fakulti. Ianya dilakukan melalui spread sheet PI yang di sediakan dan penggunaan saluran pelaporan yang disediakan untuk dikemaskini oleh 'Person-In-Charge' bagi setiap PI termasuk menggunakan **sistem PRIME** dan **ICAN**.

3. Tindakan Susulan dan Penambahbaikan

Pengenalpastian punca kegagalan perancangan melalui perbincangan berdasarkan pengumpulan dan analisis data dalam **Bengkel Perancangan Strategik FSPPP** yang melibatkan semua ahli pengurusan FSPPP, jawatankuasa berkaitan dan staf senior fakulti yang bertindak sebagai pakar rujuk atau mentor.

Penyenaraian berkaitan isu yang dihadapi serta cadangan penambahbaikan bagi setiap petunjuk prestasi dalam Mesyuarat Fakulti dan Pengurusan FSPPP. Seterusnya, cadangan pelarasan strategi dan latihan semula staf berdasarkan dapatan pemantauan dilaksanakan.

Tahap pencapaian setiap Petunjuk Prestasi dilaporkan berdasarkan pencapaian bulanan yang dikemaskini oleh Penyelaras PTU FSPPP ke dalam sistem bersepadu (PTU) UiTM.

Penyediaan laporan penambahbaikan untuk kelulusan dan tindakan Pengurusan Tertinggi. Melalui pelan ini, PTJ dapat mengenalpasti pencapaian dan kekangan secara objektif, sekaligus memperkukuh integriti pelaksanaan bidang tumpuan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_K01_KB04_KC01_20251_Kepimpinan 1_Lampiran 1.4.1a.pdf](#)
2. [F0064_K01_KB04_KC01_20252_Kepimpinan 1_Lampiran 1.4.1b.pdf](#)
- 3.
- 4.

5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan FSPPP telah mengenal pasti risiko yang berpotensi menjejaskan pencapaian **Petunjuk Prestasi (PI)** semasa Bengkel Perancangan Strategik Fakulti. Ketiga-tiga PI berkongsi kategori risiko utama seperti kekangan kewangan dan masa, khasnya dalam konteks fakulti berteraskan sains sosial di mana pencapaian komersil mengambil pendekatan yang berlainan.

Antara faktor risiko utama yang dikenal pasti ialah:

- Bilangan penerbitan berindeks dan sitasi yang masih rendah dalam kalangan staf akademik
- Jumlah geran penyelidikan berimpak tinggi yang terhad
- Sokongan ekosistem penyelidikan yang belum mantap

Tindakan strategik yang telah diambil:

1. Kemahiran penulisan ilmiah ditingkatkan menerusi bengkel penulisan artikel untuk staf akademik (Lampiran 1.4.2a).
2. Motivasi staf diperkukuh melalui pengiktirafan pencapaian KPI penerbitan (Lampiran 1.4.2b).
3. Peningkatan peluang geran dengan penganjuran bengkel penulisan cadangan Geran (Lampiran 1.4.2c).
4. Memperkukuh jaringan penyelidikan melalui kolaborasi dalam dan luar negara seperti webinar dan persidangan, serta penerbitan bersama institusi yang mempunyai MoU dengan FSPPP. (Lampiran 1.4.2d)

Kesimpulannya, Pengurusan Kanan FSPPP bersama Unit Pengurusan Risiko telah mengenalpasti dan melaksanakan langkah mitigasi yang bersesuaian dan efektif, selaras dengan aspirasi peningkatan PI fakulti secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_K01_KB04_KC02_20251_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.2a.pdf](#)
2. [F0064_K01_KB04_KC02_20252_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.2b.pdf](#)
3. [F0064_K01_KB04_KC02_20253_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.2c.pdf](#)
4. [F0064_K01_KB04_KC02_20254_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.2d.pdf](#)
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FSPPP telah melaksanakan kajian semula perancangan strategik secara berkala sebanyak dua kali setahun. Hasil kajian dibentangkan secara telus melalui mesyuarat akademik dan mesyuarat fakulti, sebagai platform rasmi untuk membincangkan tindakan penambahbaikan.

Beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan berdasarkan analisis data dan maklumat semasa:

- Penganjuran program perkongsian pengetahuan seperti seminar dan bengkel bertemakan penyelidikan dan inovasi. (Lampiran 1.4.3a)
- Penglibatan pakar bidang sebagai panel dan penceramah bagi memastikan peserta mendapat bimbingan dan panduan yang bernilai. (Lampiran 1.4.3a)
- Penggunaan teknologi digital bagi menganjurkan program atas talian yang lebih inklusif dan mudah diakses.
- Hebahan penambahbaikan melalui mesyuarat rasmi oleh Timbalan Dekan serta saluran e-mel, laman web, media sosial dan *WhatsApp* fakulti. (Lampiran 1.4.3b)

Impak daripada tindakan penambahbaikan adalah seperti berikut:

1. Penyelarasan program peringkat kebangsaan dan antarabangsa, yang meningkatkan prestasi institusi secara menyeluruh. (Lampiran 1.4.3c)
2. Peningkatan pencapaian kecemerlangan akademik, termasuk penerbitan jurnal tertinggi dan jumlah geran penyelidikan. (Lampiran 1.4.3c)
3. Meningkatkan kebolehtampakan kepakaran fakulti, melalui penyertaan dalam media arus perdana dan pengiktirafan oleh pihak UiTM. (Lampiran 1.4.3c)

Pendekatan ini mencerminkan keupayaan Pengurusan Kanan dalam memperkukuh budaya penambahbaikan berterusan secara strategik dan menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_K01_KB04_KC03_20251_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.3a.pdf](#)
2. [F0064_K01_KB04_KC03_20252_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.3b.pdf](#)
3. [F0064_K01_KB04_KC03_20253_LAMPIRAN KEPIMPINAN 1.4.3c.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan Fakulti membudayakan objektif dan pelan transformasi strategik (PTS) dengan melaksanakan komunikasi dan hebahan yang berkesan. Melalui Majlis Amanat Dekan misalnya yang dihadiri oleh semua warga FSPPP, maklumat berkenaan objektif dan inisiatif strategik serta perkembangan PI bukan hanya dapat dipantau bahkan turut dapat disalur dan dihebahkan. (Lampiran 1.5a)

Pemakluman program-program yang dilaksanakan di FSPPP dihebahkan kepada seluruh warga FSPPP melalui emel dan pemajuan mesej melalui aplikasi komunikasi sosial seperti *whatsapp* fakulti yang berjaya meraih penyertaan dan sokongan daripada warga FSPPP. Selain itu, pemakluman yang lebih meluas mengenai aktiviti-aktiviti yang dirancang turut dilakukan melalui hebahan di media sosial dan laman web rasmi fakulti dan juga sosial media seperti **Facebook** dan **Instagram** yang turut boleh diakses oleh semua dan tidak terhad kepada warga FSPPP sahaja (Lampiran 1.5b)

Perkara ini membuktikan komitmen Pengurusan Kanan FSPPP dalam memberi maklum kepada warga FSPPP mengenai hala tuju FSPPP yang selaras dengan aspirasi UiTM. Melalui hebahan ini juga, warga FSPPP dapat didedahkan kepada kepentingan setiap warga dalam memainkan peranan mencapai matlamat **Pelan Strategik UiTM 2025**.

Justeru, melalui penggunaan pelbagai platform termasuk media sosial, maklumbalas pelbagai pihak boleh diterima seterusnya menyediakan peluang agar penambahbaikan berterusan dapat dilakukan. Pengurusan Kanan FSPPP telah membuktikan kecemerlangan dalam pembudayaan objektif strategik dan PTS dengan pencapaian cemerlang bagi petunjuk prestasi FSPPP 2024 yang melibatkan teras Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan. (Lampiran 1.5c)

Kesimpulannya, berdasarkan bukti-bukti yang dinyatakan di atas, Pengurusan Kanan FSPPP telah membudayakan pelan transformasi strategik (PTS) yang telah dirancang dengan pelaksanaan aktiviti-aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan untuk dijalankan sehingga ke peringkat luar UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_K01_KB05_20251_Lampiran 1.5a-c.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP), di bawah kepimpinan Prof. Dr. Nor Hafizah Mohamed Harith, telah merangka satu pendekatan perancangan strategik yang menyeluruh, berpandukan analisis prestasi semasa serta keperluan pemegang taruh, bagi menyokong aspirasi UiTM dan menjunjung **visi universiti** sebagai institusi unggul yang melahirkan **graduan Bumiputera yang berdaya saing global dan beretika**. Fasa **Plan** bermula dengan penilaian ke atas **pencapaian lalu**, data **prestasi MyRA**, dapatan daripada **bengkel libat urus**, serta input sistem pelaporan dalaman. Hasil proses ini melahirkan empat program strategik: **RISE Forward** (fokus pembangunan individu), **TEAM** (kerjasama penyelidikan), **Research Catalyst Program** (kepimpinan dan pembiayaan), dan **Scholarly Impact Accelerator (SIA)** yang menumpukan kepada **penerbitan antarabangsa dan pengkomersilan**.

Dalam fasa **Do**, pelaksanaan strategi diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif seperti **Research Writing Bootcamp**, **insentif penyelidikan sehingga RM1,000** setiap staf, serta pelbagai **latihan, perkongsian pakar, dan sesi bimbingan**. Fakulti turut melaksanakan **pemetaan kolaborasi** dan **pembangunan pangkalan data kepakaran** untuk menyokong projek bersama rakan strategik dalam dan luar negara. Strategi ini menyokong **misi fakulti** dalam memperkasa pengetahuan Bumiputera melalui program profesional dan penyelidikan yang beretika. Sepanjang tahun 2024, FSPPP mencatat pencapaian ketara: **79 penerbitan terindeks, 13 artikel dalam jurnal QS Ranking, 27 penerbitan bersama rakan antarabangsa**, dan pembiayaan penyelidikan melebihi **RM1.8 juta**.

Fasa **Check** dilaksanakan melalui **pemantauan KPI secara suku tahunan** serta penilaian pengurusan dalaman. Laporan ini memberi gambaran menyeluruh prestasi fakulti serta mengenal pasti ruang penambahbaikan yang seterusnya dimanfaatkan dalam fasa **Act**. Usaha penambahbaikan ini termasuk **penambahan latihan**, peluasan **kerjasama industri**, serta peningkatan **insentif penyelidikan**, contohnya **PAYP High Impact bernilai RM5,000** untuk penyelidik cemerlang.

Setiap inisiatif disokong oleh **pelan tindakan tahunan**, dipantau melalui sistem seperti **MyRA** dan **e-KPI**, dan diperkukuh oleh pengurusan fakulti yang responsif dan berasaskan data. Pendekatan **bersepadu dan sistematik** ini memperkukuh **budaya penyelidikan dan penerbitan** sebagai sebahagian daripada amalan institusi, serta menyumbang secara langsung kepada **agenda penyelidikan kebangsaan dan antarabangsa**. Secara keseluruhan, FSPPP menunjukkan **komitmen tinggi** dalam membangunkan **keupayaan penyelidik**, memperkukuh **ekosistem penerbitan**, dan meneroka **potensi pengkomersialan** ke arah melahirkan **graduan berpengetahuan, beretika dan bersaing secara global**.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendekatan perancangan strategik Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) dalam menjayakan bidang tumpuan Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan dibentuk berdasarkan **hala tuju fakulti yang telah digariskan dalam Pelan Strategik FSPPP 2022–2025**. (Lampiran 2.2a)

Bidang ini telah dikenalpasti sebagai salah satu bidang tumpuan utama fakulti dan diterjemahkan melalui pelbagai inisiatif bersasar yang merangkumi aspek pembangunan penyelidik, pengukuhan penerbitan berimpak tinggi dan usaha pengkomersialan hasil penyelidikan.

Berikut adalah objektif dan inisiatif fakulti yang telah dilaksanakan bagi bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan:

1. Perancangan ini disusun berasaskan kepada enam teras strategik FSPPP, khususnya di bawah **Strategi 1: Empowering Network**, yang menetapkan sasaran untuk meningkatkan hasil penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi sepanjang tempoh 2022 hingga 2025. (Lampiran 2.2a) Sehubungan dengan itu, pelan strategi fakulti menyasarkan pelaksanaan sekurang-kurangnya tiga bengkel penulisan ilmiah, penyediaan 12 geran dalaman atau geran padanan, serta 13 bantuan kewangan bagi tujuan pembayaran yuran penerbitan. Inisiatif yang dirancang termasuk **program CDP (1.0 dan 2.0)**, **RAC to RIG**, **KTP USRP**, **Ace of Glory**, dan **Smart Matching**. Pelaksanaan strategi ini diselaraskan oleh Koordinator Penyelidikan FSPPP dengan anggaran implikasi kewangan sebanyak RM200,000. (Lampiran 2.2b)
2. Pendekatan awal melibatkan proses penilaian prestasi sedia ada melalui laporan MyRA, sistem uisms dibawah kelolaan Pejabat Transformasi Universiti (PTU), sistem PRIME dan hasil libat urus bersama warga akademik. Data ini menjadi **asas kepada penetapan sasaran KPI dan PI seperti PI049 hingga PI066** yang berkaitan dengan penerbitan, penyelidikan, pembiayaan dan kolaborasi. (Lampiran 2.2c)
3. Fakulti turut menetapkan jangka masa pencapaian, iaitu jangkamasa sederhana (*middle term*) untuk pelaksanaan bengkel, geran dalaman dan padanan, serta jangkamasa panjang (*long term*) untuk mencapai penerbitan berimpak tinggi dan kerjasama strategik. (Lampiran 2.2d)
4. Bagi pengkomersialan, perancangan dan pelaksanaan diselaraskan dengan **Objektif Kualiti FSPPP (2022–2025) di bawah tema “Excellence and Innovation in Teaching Practice and Research”**. Objektif ini mendorong staf akademik untuk menghasilkan produk inovasi berkaitan pengajaran dan pembelajaran, selari dengan usaha pengkomersialan hasil penyelidikan. Sokongan juga diberikan melalui pendedahan kepada pertandingan inovasi, penyertaan dalam platform seperti e-Innovasi UiTM dan galakan kepada penyelidik untuk mempatenkan hasil ciptaan. (Lampiran 2.2a)

Kaedah pelaksanaan ditunjangi oleh pelan tindakan tahunan yang dirangka melalui perbincangan bersama Pengurusan Tertinggi Fakulti dan KPP/KP Program. Setiap aktiviti mengambil kira keperluan sumber manusia, kewangan, dan kapasiti kepakaran dalaman. Penetapan KPI turut diselaraskan dengan sasaran universiti dan keperluan sistem pelaporan MyRA. Sumber kewangan diagihkan secara strategik melalui insentif, geran padanan, dan bantuan yuran penerbitan bagi menggalakkan penyertaan aktif dalam penyelidikan dan penerbitan. (Lampiran 2.2e)

Secara keseluruhannya, pendekatan perancangan strategik FSPPP mengutamakan perancangan berdasarkan data, penggunaan sumber secara efisien dan peruntukan aktiviti yang sejajar dengan sasaran prestasi. Ini memastikan matlamat dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat dicapai secara mampan dan berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_P01_PB02_20251_LAMPIRAN 2.2A PELAN STRATEGIK FSPPP \(2022-2025\).pdf](#)
2. [F0064_P01_PB02_20252_LAMPIRAN 2.2B PELAPORAN RICAEN DALAM SESI TAKLIMAT DEKAN.pdf](#)
3. [F0064_P01_PB02_20253_LAMPIRAN 2.2C LAPORAN PENILAIAN PRESTASI PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN.pdf](#)
4. [F0064_P01_PB02_20254_LAMPIRAN 2.2D STRATEGIC ACTION PLAN FSPPP \(2022-2025\) TIMELINE.pdf](#)
5. [F0064_P01_PB02_20255_LAMPIRAN 2.2E LAPORAN TIMBALAN DEKAN RICAEN DI MESYUARAT FAKULTI.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Objektif dan inisiatif strategik FSPPP bagi bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan telah dilaksanakan melalui beberapa pendekatan sistematik yang merangkumi tadbir urus, pengurusan sumber, pemantauan, serta pengukuhan budaya kerja berasaskan hasil. Pendekatan ini dibangunkan selari dengan aspirasi dan hala tuju strategik universiti.

Pelaksanaan objektif dan inisiatif FSPPP adalah seperti berikut:

1. Pelaksanaan dimulakan dengan **penggubalan dokumen Perancangan Strategik FSPPP (2022–2025) dan Objektif Kualiti FSPPP (2022–2025)** yang menggariskan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan sebagai salah satu bidang tumpuan utama fakulti. Dokumen ini diselaraskan dengan visi, misi dan objektif universiti, justeru menjamin kesepaduan matlamat antara peringkat fakulti dan universiti. (Lampiran 2.2a dan Lampiran 2.3a)
2. Strategi pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) yang berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan turut dirangka **berasaskan 6 Strategic Thrust FSPPP** – khususnya Strategi 1: *Empowering Network*. Strategi ini memberi fokus kepada pembangunan penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi serta penghasilan produk inovatif. Penjajaran ini memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan menyumbang secara langsung kepada pencapaian PI049 hingga PI066. (Lampiran 2.2a)
3. Tadbir urus pelaksanaan diletakkan di bawah tanggungjawab Timbalan Dekan (RiCAEN), dengan sokongan koordinator dan penyelarasan yang dilantik. Pelaksanaan inisiatif seperti **CDP (1.0 dan 2.0), RAC to RIG, Smart Matching dan Ace of Glory** dijalankan berdasarkan pelan aktiviti yang ditetapkan. Proses pemilihan peserta, pemberian geran, serta pelaksanaan bengkel diselaraskan oleh unit ini secara sistematik, manakala rekod pencapaian disimpan dan dikemas kini dari semasa ke semasa. (Lampiran 2.3b)
4. Hebahan berkala mengenai geran, peluang penyelidikan dan sokongan penerbitan dibuat melalui **e-mel rasmi, platform telegram akademik dan notis fakulti**. Selain itu, budaya penyelidikan dan inovasi turut diperkukuh melalui sesi **research sharing, collaborative proposal pitching, serta penglibatan penyelidik** dalam pertandingan inovasi dalaman dan luaran. (Lampiran 2.3c)

Pelaporan pencapaian PI dilakukan secara berkala iaitu setiap empat bulan menerusi mesyuarat akademik fakulti. Laporan ini digunakan untuk memantau kemajuan, mengenal pasti kekangan dan mencadangkan intervensi penambahbaikan. Antara langkah penambahbaikan yang telah diperkenalkan termasuk pepadanan penyelidik baharu dengan mentor, pengenalan modul bimbingan penulisan artikel, serta insentif bagi penyertaan dalam pertandingan inovasi. (Lampiran 2.2e)

Keseluruhannya, strategi yang dilaksanakan telah memperlihatkan peningkatan dalam penghasilan artikel jurnal, kelulusan geran dalaman, serta penyertaan dalam platform pengkomersialan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan prestasi fakulti dalam bidang tumpuan, malah memupuk budaya akademik yang mampan dan berimpak tinggi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_P01_PB03_20251_LAMPIRAN 2.2A PELAN STRATEGIK FSPPP \(2022-2025\).pdf](#)
2. [F0064_P01_PB03_20252_LAMPIRAN 2.3A OBJEKTIF KUALITI FSPPP \(2019-2025\).pdf](#)
3. [F0064_P01_PB03_20253_LAMPIRAN 2.3B SURAT LANTIKAN.pdf](#)
4. [F0064_P01_PB03_20254_LAMPIRAN 2.3C HEBAHAN BERKALA FSPPP.pdf](#)
5. [F0064_P01_PB03_20255_LAMPIRAN 2.2E LAPORAN TIMBALAN DEKAN RICAEN DI MESYUARAT FAKULTI.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSPPP melaksanakan pelan pemantauan KPI/PI secara sistematik bagi memastikan keberkesanan objektif dan inisiatif strategik dalam bidang *penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan*. Berikut adalah pelan pemantauan yang dilakukan oleh FSPPP bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan objektif dan strategi fakulti:

1. Proses pemantauan diketuai oleh Timbalan Dekan (RiCAEN) dengan sokongan Koordinator Penyelidikan dan Penyelaras yang dilantik. Mereka menggunakan **pengkalan data khusus** untuk merekod dan menyemak pencapaian PI secara berkala dan berterusan. Selain itu, Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PTSU) turut membantu menyemak keselarasan antara data dalaman dan pelaporan di peringkat universiti. (Lampiran 2.4.1a)
2. Semua pelaporan dikongsi dalam **platform WhatsApp rasmi** pengurusan FSPPP (Dekan, Timbalan Dekan, Koordinator) untuk memastikan komunikasi pantas serta tindakan pencegahan awal dapat dilaksanakan sekiranya berlaku ketidaksepadanan data atau kelewatan pencapaian. (Lampiran 2.4.2b)
3. FSPPP turut menggunakan **platform mesyuarat pengurusan seperti Mesyuarat Status Tindakan, MKSP dan Mesyuarat Akademik sebagai medium pelaporan dan pemantauan PI**. Dalam mesyuarat akademik, pencapaian PI dibentangkan, dibincangkan dan diteliti bersama oleh warga akademik. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan semua pihak dimaklumkan, malah memberikan peluang kepada mereka untuk mencadangkan penambahbaikan strategi serta menyumbang secara langsung ke arah pencapaian KPI. (Lampiran 2.4.1c)

Fakulti juga melibatkan seluruh warga FSPPP melalui pelaksanaan webinar, kursus dan bengkel berkaitan penyelidikan, penulisan dan inovasi yang dijalankan secara percuma. Strategi ini memberi ruang kepada penyertaan menyeluruh dan pelaksanaan kolektif ke arah pencapaian sasaran PI. Objektif strategik ini disandarkan kepada dokumen Perancangan Strategik dan Objektif Kualiti FSPPP (2022–2025) yang dijangka dengan matlamat universiti. Manakala strategi pelaksanaan dirangka melalui *Strategic Thrust 1: Empowering Network*, yang menumpukan pembangunan penyelidikan berimpak, penerbitan berkualiti, dan inovasi berpotensi komersial. (Lampiran 2.2a)

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_P01_PB04_PC01_20251_LAMPIRAN 2.4.1A PEMANTAUAN RICAEN FSPPP.pdf](#)
2. [F0064_P01_PB04_PC01_20252_LAMPIRAN 2.4.2B PERKONGSIAN KEJAYAAN STAFF FSPPP.pdf](#)
3. [F0064_P01_PB04_PC01_20253_LAMPIRAN 2.4.1C PETIKAN MINIT MESYUARAT MKSP.pdf](#)
4. [F0064_P01_PB04_PC01_20254_LAMPIRAN 2.2A PELAN STRATEGIK FSPPP \(2022-2025\).pdf](#)
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Beberapa risiko utama yang dikenal pasti berpotensi menjejaskan pencapaian objektif strategik dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan telah dianalisis dan ditangani dengan pendekatan bersasar.

1. **Risiko pertama** melibatkan kekurangan kemahiran dan pengetahuan staf akademik dalam menghasilkan penulisan yang berkualiti tinggi. Antara cabaran termasuklah kemahiran penulisan manuskrip yang efektif, pemilihan jurnal berindeks percuma dan penggunaan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) dalam penulisan. Bagi menangani isu ini, pihak fakulti telah melaksanakan **siri latihan dan webinar berfokus** seperti bengkel pencarian jurnal Scopus/WoS, penggunaan alatan penulisan AI, dan webinar teknikal berkaitan strategi penerbitan. (Lampiran 2.2.2a)
2. **Risiko kedua** berkaitan ketidaksediaan pensyarah untuk menyertai pertandingan inovasi disebabkan kekurangan produk siap, ketiadaan pemilikan harta intelek dan kurang pendedahan kepada strategi pertandingan. Sebagai langkah mitigasi, fakulti telah melaksanakan pelbagai inisiatif kesedaran termasuk **sesi perkongsian proses inovasi, promosi kejayaan** warga FSPPP di platform rasmi dan galakan penyertaan melalui bimbingan. (Lampiran 2.2.2b)
3. **Risiko ketiga** menyentuh isu motivasi dalam kalangan pensyarah disebabkan oleh beban tugas pengajaran dan pentadbiran yang tinggi. Ini menyebabkan kurang masa untuk menulis dan menghasilkan manuskrip berkualiti. Sebagai respons, FSPPP telah mengadakan **bengkel penulisan** bagi membina dan membantu ruang fokus kepada penulisan. Di samping itu, **Geran Dalaman FSPPP dan penganjuran persidangan** seperti ICoPS turut diwujudkan bagi menyokong dan menggalakkan penglibatan aktif dalam penerbitan dan penyelidikan. (Lampiran 2.2.2c dan 2.2.2d)

Pengurusan risiko dalam perancangan strategik FSPPP dilaksanakan secara terancang, sistematik dan bersepadu dengan penyediaan dokumen strategik seperti Pelan Strategik FSPPP 2022–2025 dan Objektif Kualiti Fakulti. Setiap risiko dikenal pasti berdasarkan analisis data pencapaian semasa (e-KPI, MyRA), sesi libat urus bersama warga akademik serta maklum balas semasa mesyuarat pengurusan. Risiko yang telah dikenalpasti akan dibentang dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Mesyuarat Akademik Fakulti untuk cadangan penambahbaikan. Setiap langkah mitigasi pula dipantau secara berkala oleh Timbalan Dekan RiCAEN. Pendekatan ini membolehkan fakulti bukan sahaja mengenal pasti kelemahan dan cabaran yang berpotensi menjejaskan pencapaian KPI, tetapi turut menyediakan mekanisme penambahbaikan yang proaktif dan responsif terhadap perubahan semasa. (Lampiran 2.4.2d)

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_P01_PB04_PC02_20251_F0064_P01_PB04_PC02_20251_LAMPIRAN 2.4.2A BENGKEL PENULISAN AI.pdf](#)
2. [F0064_P01_PB04_PC02_20252_F0064_P01_PB04_PC02_20252_LAMPIRAN 2.4.2B PERKONGSIAN KEJAYAAN STAFF FSPPP.pdf](#)
3. [F0064_P01_PB04_PC02_20253_F0064_P01_PB04_PC02_20253_LAMPIRAN 2.4.2C INISIATIF FAKULTI.pdf](#)
4. [F0064_P01_PB04_PC02_20254_LAMPIRAN 2.4.2C SESI AMANAT DEKAN & TOWNHALL FSPPP.pdf](#)
5. [F0064_P01_PB04_PC02_20255_LAMPIRAN 2.4.2D GERAN DALAMAN FSPPP 2024.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan FSPPP mengamalkan pendekatan berasaskan data dan pelaporan berkala dalam mengkaji semula perancangan strategik serta melaksanakan tindakan penambahbaikan bagi memastikan pencapaian KPI/PI. Pendekatan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Koordinator Penyelidik yang dilantik di bawah Timbalan Dekan RiCAEN bertanggungjawab menyelenggara dan menganalisis pangkalan data PI yang melibatkan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Data ini direkodkan mengikut individu, kategori dan keseluruhan fakulti. Laporan analisis ini dibentangkan dalam **Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Mesyuarat Akademik sebagai asas kepada tindakan susulan dan justifikasi** kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI). (Lampiran 2.4.3a)
2. Perjumpaan berkala bersama rakan industri, pelaksanaan insentif seperti **Research Publication Reward, serta pemerkasaan empat kluster** penyelidikan yang aktif. (Lampiran 2.4.3b)
3. Strategi pelaksanaan PI turut disemak setiap tahun dengan **memperkenalkan pendekatan baharu dan motto pelaksanaan tahunan** untuk menggalakkan keterlibatan pensyarah. Sebarang KPI/PI yang tidak mencapai sasaran suku tahunan akan dikenalpasti melalui pelaporan Q1–Q4. Sebagai contoh, sekiranya pencapaian PI52 (penerbitan dalam jurnal QS ranking) rendah pada Q2, langkah intervensi seperti penulisan bersama pakar luar, penglibatan dalam forum penyelidikan antarabangsa dan peningkatan insentif akan segera dilaksanakan. Pemantauan turut dijalankan melalui *e-Laporan Aktiviti Fakulti*, yang membolehkan keberkesanan program seperti ICOPS atau latihan industri disemak serta-merta. (Lampiran 2.4.3c)

Setiap tindakan susulan direkodkan dan dimanfaatkan dalam penyediaan pelan tahun berikutnya. Pendekatan ini memastikan penambahbaikan dilaksanakan secara menyeluruh, berfokus dan berpandukan data, demi menjamin pencapaian KPI/PI yang mampan dan selaras dengan sasaran strategik fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_P01_PB04_PC03_20251_F0064_P01_PB04_PC03_20251_LAMPIRAN 2.4.3A LAPORAN ANALISIS PENCAPAIAN PI RICAEN \(1\).pdf](#)
2. [F0064_P01_PB04_PC03_20252_LAMPIRAN 2.4.3B RESEARCH PUBLICATION REWARD FSPPP.pdf](#)
3. [F0064_P01_PB04_PC03_20253_LAMPIRAN 2.4.3C SAP RICAEN 2024.pdf](#)
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan perancangan strategik di FSPPP bagi bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan telah membentuk satu budaya kerja yang konsisten dan menyeluruh dalam kalangan warga fakulti. **Tahap pembudayaan** ini dapat dilihat melalui penerapan matlamat yang sejajar dengan **Objektif Kualiti FSPPP, RMK-12, Hala Tuju KPT dan UiTM**, serta keperluan sistem penarafan seperti **MyRA** dan **MySite**. Matlamat utama adalah untuk memastikan sekurang-kurangnya satu penerbitan berindeks bagi setiap staf akademik setiap tahun. (Rujuk Lampiran 2.2a dan 2.3a)

Medium penyebarluasan pembudayaan dijalankan melalui sesi Mesyuarat Fakulti setiap semester, pembentangan prestasi PI oleh Dekan dan Timbalan Dekan RICAEN, serta pelaporan berkala di platform rasmi fakulti. Di samping itu, pengiktirafan melalui **poster ucapan tahniah, media sosial rasmi** dan **Hari Kecemerlangan Fakulti (HKF)** turut memainkan peranan penting dalam menyemai budaya penghargaan dan motivasi kepada penyumbang PI. (Rujuk Lampiran 2.2b & 2.2e)

Pembudayaan T.E.A.M (Together Everyone Achieve More) pula digerakkan melalui strategi-strategi utama seperti:

- *Research Publication Reward (RPR)*
- *Internal dan National Grant*
- *International Grant*
- *Smart Matching* – kerjasama dengan industri dan universiti luar

Pembudayaan ini menjadi lebih kukuh apabila program tahunan seperti **ICOPS, Research Writing Bootcamp**, dan **pemindahan sistem penerbitan ke OJS** diangkat sebagai inisiatif rasmi dalam **takwim fakulti**. Ia secara tidak langsung mencipta amalan konsisten dalam penulisan dan penerbitan dalam kalangan staf akademik. Sasaran pembudayaan bukan sahaja merangkumi staf akademik, tetapi turut diperluas kepada **pelajar** melalui program seperti **internship dengan GLCs dan industri global**, memperkenalkan mereka kepada nilai penyelidikan dalam konteks sebenar.

Peringkat penyebarluasan pembudayaan telah berkembang daripada peringkat dalaman fakulti kepada **merentasi PTJ dan peringkat institusi UiTM**, termasuk:

- Penyertaan dalam forum akademik universiti
- Pembentangan model pelaksanaan FSPPP dalam UiTM *Research and Innovation Showcase*

Kini, pembudayaan tersebut telah menjadi **amalan kerja**, seperti:

- Pemantauan KPI oleh setiap staf
- Penyertaan aktif dalam penulisan geran dan penerbitan

Kejayaan pembudayaan ini dibuktikan dengan peningkatan penerbitan terindeks, penambahan penyelidik utama geran, dan kolaborasi merentas sempadan. Secara keseluruhannya, FSPPP telah membentuk **ekosistem penyelidikan yang mampan dan berimpak tinggi**, yang disokong oleh strategi terancang, insentif motivasi dan sokongan pengurusan yang menyeluruh, sejajar dengan hala tuju universiti dan negara. (Lampiran 2.2c)

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_P01_PB05_20251_LAMPIRAN 2.2A PELAN STRATEGIK FSPPP \(2022-2025\).pdf](#)

-
2. [F0064_P01_PB05_20252_LAMPIRAN 2.3A OBJEKTIF KUALITI FSPPP \(2019-2025\).pdf](#)
 3. [F0064_P01_PB05_20253_LAMPIRAN 2.2B PELAPORAN RICAEN DALAM SESI TAKLIMAT DEKAN.pdf](#)
 4. [F0064_P01_PB05_20254_LAMPIRAN 2.2E LAPORAN TIMBALAN DEKAN RICAEN DI MESYUARAT FAKULTI.pdf](#)
 5. [F0064_P01_PB05_20255_LAMPIRAN 2.2C LAPORAN PENILAIAN PRESTASI PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan perhubungan pelanggan merupakan proses kerja utama bagi memastikan keperluan pelanggan FSPPP berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat dipenuhi dan berkualiti.

Perancangan FSPPP dalam pengurusan pelanggan diselaraskan dengan **Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025**, **Pelan Strategik UiTM 2025**, serta **Pelan Tindakan Strategik FSPPP 2022-2025**. Perkara utama yang dilaksanakan dalam proses perancangan adalah pengenalanpastian pelanggan FSPPP, iaitu pelanggan dalaman dan luaran. Tumpuan diberikan kepada penglibatan pelanggan dalaman dan luaran bagi mencapai kecemerlangan fakulti melalui penambahbaikan dalam penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan. FSPPP sentiasa melibatkan pelanggan sebagai pihak kepentingan utama dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti, dengan berkongsi pengetahuan dan maklumat melalui media massa, laman sesawang, webinar, MoU/MoA, dan aktiviti kemasyarakatan. Melalui pendekatan pengurusan pelanggan yang dinamik dan sistematik, ketampakan dan keserjanaan FSPPP telah dipertingkatkan, sekaligus menyumbang kepada agenda transformasi UiTM.

Pengurusan perhubungan pelanggan di FSPPP adalah penting dalam memastikan pelanggan, termasuk staf akademik, pentadbiran, dan pihak luar, dapat menyampaikan maklum balas dengan mudah. Bagi pelaksanaan agenda pengurusan pelanggan dan maklum balas pelanggan, Fakulti menawarkan pelbagai saluran untuk maklum balas, daripada saluran tidak formal seperti komunikasi langsung kepada **Koordinator Penyelidikan** atau **Koordinator MASMED**, sehingga saluran formal melalui Mesyuarat Fakulti setiap semester dan sistem e-Aduan. Analisis teliti terhadap maklum balas ini membantu dalam penambahbaikan berterusan perkhidmatan. Pemantauan pencapaian dilaksanakan melalui laporan PI dan mesyuarat pengurusan yang memastikan pencapaian sasaran dan KPI, manakala pemantauan kepuasan pelanggan termasuk penggunaan email dan kaji selidik untuk menilai tahap kepuasan dan mengenal pasti perkara yang perlu diberi perhatian.

Pelaksanaan pengurusan perhubungan pelanggan di FSPPP dipantau dengan pengurusan risiko yang merupakan kunci untuk mencapai objektif, KPI, dan sasaran organisasi. Risiko termasuk kemungkinan terjebak dengan 'jurnal pemangsa', kekurangan pengetahuan staf mengenai penerbitan, dan masalah motivasi akibat beban kerja yang tinggi. FSPPP mengatasi risiko pencapaian objektif dengan mengemas kini senarai jurnal pemangsa, menggalakkan penulisan berkualiti, dan menawarkan sokongan melalui webinar dan bengkel penulisan serta penerbitan. Bagi maklum balas pelanggan, fakulti menyediakan panduan serta memperbanyak program kerjasama. Insentif kewangan dan bengkel penyelidikan juga diberikan untuk meningkatkan kemahiran dan sokongan kewangan kepada pensyarah.

Tindakan penambahbaikan telah diambil oleh FSPPP bagi memperkukuh kedudukannya dalam penyelidikan dan penerbitan melalui pelaksanaan **Bengkel Penulisan Pantas (Dari Tesis ke Buku)** bagi membantu para pensyarah untuk menghasilkan penerbitan buku dari tesis pengajian PhD mereka. Pada tahun 2024, fakulti juga telah berjaya menganjurkan **International Conference on Public Policy and Social Sciences - Student Edition (ICoPS-SE)** serta menjalin kolaborasi penyelidikan dengan pelbagai institusi tempatan dan antarabangsa. Projek penyelidikan, pemberian dana, dan pengiktirafan kepada penyelidik juga menyokong kecemerlangan akademik dan meningkatkan kualiti penerbitan.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan FSPPP memainkan peranan yang besar sebagai tunggak kepada pencapaian agenda strategik fakulti dan UiTM. FSPPP memegang prinsip bahawa penglibatan pelanggan secara sistematik dan menyeluruh adalah amat penting dalam penghasilan penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan yang berkualiti serta berimpak tinggi. Prinsip ini dilaksanakan melalui perkongsian maklumat dan kepakaran dari pelbagai kategori pelanggan. Pengurusan pelanggan di FSPPP dilaksanakan mengikut kaedah **PDCA (Plan-Do-Check-Act)** (Lampiran 3.2.1).

Berdasarkan definisi pelanggan dalam Manual Kualiti FSPPP, terdapat dua kategori pelanggan bagi fakulti, iaitu **(1) pelanggan dalaman** dan **(2) pelanggan luaran** (Lampiran 3.2.2). Sehubungan dengan itu, dalam bidang Penyelidikan, Penerbitan, dan Pengkomersialan, pelanggan ditakrifkan sebagai pelanggan dalaman dan luaran di peringkat fakulti yang berurusan dengan pihak PJI berkaitan aktiviti penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan.

Pengurusan hubungan pelanggan adalah keutamaan FSPPP. Bahagian PJI FSPPP, diketuai oleh **Timbalan Dekan RiCAEN**, berperanan sebagai **pusat perhatian (focal point)** serta **pusat penghubung (liaison center)** antara pihak fakulti dan pelanggan luaran di dalam UiTM, termasuk **Pejabat Transformasi Universiti (PTU)**, **Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC)**, **Jaringan Industri, Komuniti, dan Alumni (ICAN)**, serta **Pusat Pengkomersialan Syarikat Inovasi dan Teknologi (BITCOM)**. Selain itu, ia juga berfungsi sebagai penghubung kepada pelanggan luaran yang terdiri daripada pakar bidang, penyelidik, ahli perniagaan, dan pihak-pihak berkepentingan lain dari pelbagai institusi, agensi, dan industri (Lampiran 3.2.3).

Pelanggan dalaman yang menerima perkhidmatan secara langsung dari pihak fakulti melalui inisiatif kepakaran dan penyeliaan penyelidikan pelajar termasuklah staf akademik, kakitangan pentadbiran, dan pelajar (pra-siswazah dan pasca-siswazah) (Lampiran 3.2.4). Perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan dalaman adalah penting bagi membantu serta menyokong mereka dalam usaha untuk mencapai matlamat fakulti dan UiTM dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Sokongan ini merangkumi bimbingan penyelidikan, penyeliaan pelajar, akses kepada sistem penyelidikan dalaman UiTM, dan peluang kerjasama penyelidikan serta permohonan geran.

Di samping memberi penekanan kepada kepuasan hati pelanggan dalaman, FSPPP turut memberi tumpuan kepada perkhidmatan untuk pelanggan luaran. Kerjasama dengan pelanggan luaran adalah penting bagi memperkukuh hubungan strategik dan memperluas jaringan dengan pihak luar. Ahli akademik, penyelidik dan pakar dari universiti luar, industri, agensi kerajaan dan masyarakat (komuniti dan alumni) adalah pelanggan luar yang telah mendapat manfaat daripada peranan FSPPP sebagai rakan kolaboratif dalam projek penyelidikan bersama (Lampiran 3.2.5). Kolaborasi penyelidikan dengan pelanggan luaran telah diperkembangkan secara tidak langsung kerjasama kepakaran, seperti jemputan ke sesi perkongsian ilmu, teknologi, dan seminar penyelidikan.

Usaha kolaborasi dengan pihak luar ini telah meningkatkan reputasi FSPPP sebagai salah satu fakulti yang memberi sumbangan besar kepada pencapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan oleh **Pejabat Transformasi Universiti (PTU)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_T01_TB02_20251_Lampiran 3.2.1 Plan Do Check Act.pdf](#)
2. [F0064_T01_TB02_20252_Lampiran 3.2.2 KATEGORI PELANGGAN FSPPP.pdf](#)
3. [F0064_T01_TB02_20253_Lampiran 3.2.3 PERKHIDMATAN BAHAGIAN PJI FSPPP \(1\).pdf](#)
4. [F0064_T01_TB02_20254_Lampiran 3.2.4 PERKHIDMATAN PJI KEPADA PELANGGAN FSPPP.pdf](#)
5. [F0064_T01_TB02_20255_LAMPIRAN 3.2.5 PERANAN FSPPP SEBAGAI RAKAN](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSPPP komited dalam memahami keperluan pelanggan melalui pelbagai kaedah, termasuk maklum balas pelanggan dan interaksi langsung. Kualiti perkhidmatan dipertingkatkan dari semasa ke semasa berdasarkan maklumat dan maklum balas pelanggan mengenai akses dan penggunaan kemudahan, sokongan penyelidikan, dan prospek kerjasama dengan pihak luar. Bagi memastikan amalam pengurusan pelanggan FSPPP yang baik, pengurusan maklumat pelanggan dilaksanakan secara sistematik melalui sistem yang diwujudkan pada peringkat universiti bagi urusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. **Proses mengumpul, menyusun, melindungi dan menyimpan data pelanggan dalaman (staf dan pelajar)** dilakukan melalui sistem **UiTM EXPERT, PRIME, iRMIs, UPTRACKS** dan **SIMS** (Lampiran 3.3.1).

Koordinator Penyelidikan, Koordinator RiCEAN, Koordinator MASMED dan Timbalan Dekan RiCEAN komited dalam melaksanakan komunikasi berkesan, termasuk penyampaian maklumat yang jelas dan terkini. Maklumat berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan yang dikeluarkan oleh bahagian, unit, jabatan dalaman UiTM atau organisasi luar disebarkan kepada pelanggan dalaman melalui aplikasi *Whatsapp* atau emel rasmi. Bagi penyebaran maklumat terkini berkaitan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan kepada pelanggan luaran, FSPPP telah menggunakan laman web serta media sosial rasmi FSPPP (Lampiran 3.3.2).

Antara perkhidmatan melalui sistem yang wujud bagi menyokong aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan termasuklah perisian komputer, sistem BSU untuk tempahan ruang/lab, pengkalan data **UiTM, PRIME, iRMIs, NILAMS** dan sebagainya. Pada asasnya, UiTM telah membangunkan beberapa sistem bagi memudahkan pengumpulan dan penganalisaan data melibatkan **PI RiCEAN**. Melalui sistem-sistem tersebut, data seperti penerbitan, **MoU/MoA, geran, kolaborasi**, serta **pelanggan** yang terlibat dapat direkodkan dan dianalisis dengan lebih tepat.

Semua data yang dilaporkan akan dikeluarkan oleh pihak **RiCEAN induk** (UiTM Shah Alam) setiap sukuan untuk disahkan oleh pihak Fakulti. Data setiap sukuan direkodkan oleh Koordinator RiCEAN untuk rujukan dan penambahbaikan serta bagi input laporan tahunan FSPPP yang disampaikan kepada semua warga FSPPP melalui Mesyuarat Fakulti (Rajah 3.3.3).

Bagi meningkatkan ketampakan FSPPP, satu inisiatif telah diambil untuk mengumpulkan maklumat pakar bidang melalui **Borang Media Talent Visibility bagi membantu mengenalpasti pakar bidang yang berpotensi untuk melonjakkan ketampakan fakulti melalui penyelidikan, penerbitan serta inovasi** (Lampiran 3.3.4). Hasil daripada maklumat yang ada, pihak fakulti telah meningkatkan peluang pakar-pakar dari fakulti untuk berhubung dan mencipta jaringan dengan pihak media bagi perkongsian ilmu, penulisan dan temubual melalui media massa. Dengan usaha ini, FSPPP telah memenangi tempat pertama bagi **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Ketampakan UiTM 2023** pada **Hari Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2023)** (Lampiran 3.3.5).

Pelbagai strategi telah dibangunkan untuk melibatkan kesemua pelanggan FSPPP dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan bagi memanfaatkan kepakaran dan sumber yang ada di dalam dan luar UiTM. Bagi memperkasakan jaringan, budaya penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dalam kalangan pelanggan dalaman dan luaran serta memperkukuhkan hubungan dengan pelanggan, beberapa program yang telah dirancang telah dilaksanakan termasuklah pemerikasaan penglibatan komuniti dan industri, meningkatkan penglibatan industri dalam aktiviti pelajar dan staf, dan kerjasama pintar (*smart partnership*) dengan universiti antarabangsa. Maklum balas pelanggan bagi setiap program yang telah dijalankan juga dikumpul melalui borang kehadiran yang diberikan kepada peserta (**Rajah 3.3.4**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_T01_TB03_20251_LAMPIRAN 3.3.1 SISTEM PENGURUSAN DATA.pdf](#)
2. [F0064_T01_TB03_20252_LAMPIRAN 3.3.2 Platform Penyampaian Maklumat Terkini.pdf](#)
3. [F0064_T01_TB03_20253_LAMPIRAN 3.3.3 CABUTAN MINIT MESYUARAT MKSP.pdf](#)
4. [F0064_T01_TB03_20254_LAMPIRAN 3.3.4 PEMETAAN KESARJANAAN PENSYARAH.pdf](#)
5. [F0064_T01_TB03_20255_LAMPIRAN 3.3.5 PENCAPAIAN PENGHASILAN PROJEK KOMUNITI.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan perhubungan pelanggan dan aduan adalah elemen penting dalam memastikan pelanggan dapat menyampaikan maklum balas atau masalah mereka dengan mudah. Di FSPPP, kepentingan menyelesaikan isu dengan cepat dan efektif adalah satu keutamaan.

Pelanggan, termasuk staf akademik, pentadbiran, dan pihak luar, mempunyai pelbagai saluran untuk menyampaikan maklum balas mengenai perkhidmatan penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersilan. Maklum balas ini boleh disampaikan secara tidak formal kepada Koordinator Penyelidikan atau melalui platform formal seperti Mesyuarat Fakulti (Lampiran 3.4.1a) yang diadakan setiap semester. Pemantauan maklum balas pelanggan melalui mesyuarat yang melibatkan staf FSPPP telah membantu fakulti mendapatkan maklum balas berterusan daripada warga. Hal ini membuka ruang untuk FSPPP mengenalpasti isu-isu berkaitan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan untuk penambahbaikan.

Selain itu, FSPPP turut menyediakan **saluran lain** seperti **sistem e-Aduan, emel, dan media sosial rasmi fakulti**. Sistem e-aduan yang diisi oleh warga fakulti sangat membantu FSPPP mendapatkan maklum balas serta mengenal pasti ruang untuk penambahbaikan. Semua maklum balas yang diterima dianalisis untuk memastikan perkhidmatan berkualiti dan penambahbaikan berterusan (lampiran 3.4.1b).

Pemantauan perancangan fakulti dilaksanakan melalui taklimat dari Dekan serta laporan Target PI oleh Bahagian Teknologi Universiti (BTU). **Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** (Lampiran 3.4.1c) turut diadakan untuk membincangkan pencapaian serta langkah yang perlu diambil untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Sistem Star (lampiran 3.4.1d) digunakan untuk memantau latihan dan pembangunan staf, dengan Pegawai Eksekutif Pentadbiran FSPPP bertanggungjawab menyelia sistem ini. FSPPP menekankan pemantauan input dan output dalam perancangan operasinya, memastikan keberkesanan dan pencapaian matlamat strategik fakulti. Selain itu, fakulti turut menyediakan borang maklum balas peserta bagi aktiviti yang disertai warga fakulti serta menganalisis maklum balas tersebut bagi mengenalpasti hasil dan penambahbaikan yang boleh diambil (Lampiran 3.4.1e)

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_T01_TB04_TC01_20251_LAMPIRAN 3.4.1a MESYUARAT FAKULTI 3 okt 2024.pdf](#)
2. [F0064_T01_TB04_TC01_20252_F0064_T01_TB04_TC01_20252_LAMPIRAN 3.4.1b LAPORAN SISTEM ADUAN FSPPP YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT PENGURUSAN.pdf](#)
3. [F0064_T01_TB04_TC01_20253_F0064_T01_TB04_TC01_20253_LAMPIRAN 3.4.1c PEMANTAUAN YANG DIGUNAKAN BAGI MENCAPAI PI DAN OBJEKTIF FSPPP.pdf](#)
4. [F0064_T01_TB04_TC01_20254_F0064_T01_TB04_TC01_20254_LAMPIRAN 3.4.1d Sistem pemantauan dan latihan FSPPP.pdf](#)
5. [F0064_T01_TB04_TC01_20255_LAMPIRAN TUMPUAN PELANGGAN 3.4.1e.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Di FSPPP, pelbagai risiko dikenal pasti yang boleh menjejaskan pelbagai aspek operasi, termasuk pencapaian objektif, pengurusan sumber manusia, maklum balas pelanggan, dan pengurusan operasi. Pengurusan risiko yang berkesan adalah penting bagi memastikan fakulti dapat terus berfungsi dengan optimum. Antara risiko-risiko dikenalpasti:

1. Risiko terhadap Objektif/KPI/Sasaran

Pencapaian KPI yang mencabar boleh membawa risiko kepada ahli akademik. Salah satu risiko utama ialah kekurangan kemahiran dan pengetahuan staf akademik dalam menghasilkan penulisan berkualiti tinggi seperti penulisan manuskrip yang efektif, pemilihan jurnal berindeks, dan penggunaan teknologi terkini (AI) (Lampiran 3.4.2a)

2. Risiko berkenaan Kewangan dalam menghasilkan Penyelidikan dan Penerbitan

Selain itu, insentif untuk penulisan akademik sering kali bergantung kepada kedudukan kewangan fakulti, yang boleh mempengaruhi motivasi pensyarah. Gangguan emosi juga mungkin berlaku di kalangan pensyarah yang gagal mencapai KPI penyelidikan dan penerbitan yang telah ditetapkan (Lampiran 3.4.2b)

3. Risiko terhadap Maklum Balas Pelanggan

Bilangan **penerbitan berimpak tinggi dan jurnal beranking QS** (Lampiran 3.4.2c) yang belum mencapai target juga menimbulkan risiko kepada reputasi fakulti. Kekurangan bilangan polisi atau pembangunan standard boleh menjejaskan keupayaan fakulti untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

4. Risiko terhadap motivasi dalam kalangan Staf Akademik

isu motivasi dalam kalangan pensyarah disebabkan oleh beban tugas pengajaran dan pentadbiran menyebabkan kekurangan masa untuk menulis dan menghasilkan penyelidikan yang berkualiti tinggi. Pengenalan kepada Geran Dalaman dan persidangan seperti iCOPS membantu pensyarah untuk menulis dan terlibat di dalam aktiviti penyelidikan seperti sasaran FSPPP (Lampiran 3.4.2d)

5. Risiko terhadap Pengurusan Operasi

Akhirnya, dalam pengurusan operasi, kekangan kewangan dan masa adalah dua cabaran utama yang boleh menghalang pencapaian objektif fakulti (Lampiran 3.4.2e). Selain itu, kekurangan pengetahuan mengenai peluang penyelidikan dan penerbitan juga boleh menjejaskan keupayaan fakulti untuk berkembang dan meningkatkan reputasinya di peringkat global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_T01_TB04_TC02_20251_LAMPIRAN 3.4.2a Webinar Powered AI Writing.pdf](#)
2. [F0064_T01_TB04_TC02_20252_LAMPIRAN 3.4.2b OBJEKTIF KPI SASARAN FAKULTI YANG PERLU DICAPAI OLEH STAF FSPPP.pdf](#)
3. [F0064_T01_TB04_TC02_20253_LAMPIRAN 3.4.2c LAPORAN PENCAPAIAN PI RICAEN.pdf](#)
4. [F0064_T01_TB04_TC02_20254_LAMPIRAN 3.4.2d PENGENALAN GERAN DALAMAN, PENGANJURAN PERSIDANGAN DAN WEBINAR.pdf](#)
5. [F0064_T01_TB04_TC02_20255_LAMPIRAN 3.4.2e KEKANGAN DAN HALANGAN YANG DIHADAPI STAF AKADEMIK.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) sentiasa komited dalam memastikan para pensyarah dan staf, mencapai . Antara tindakan-tindakan penambahbaikan adalah:

1. Fakulti menggalakkan kerjasama dalam penulisan akademik melalui kumpulan sokongan, yang membantu pensyarah menulis kajian berkualiti. Budaya penulisan yang berkualiti juga ditekankan tanpa bergantung sepenuhnya kepada ganjaran kewangan. Untuk mengatasi gangguan emosi yang mungkin dialami oleh pensyarah, pengurusan tertinggi fakulti memberi perhatian serius melalui **perbincangan dan semakan berkala melalui platform aduan pelanggan** (Lampiran 3.4.3a).
2. FSPPP telah memperkenalkan **webinar penerbitan** yang memberi pendedahan kepada pensyarah mengenai penerbitan, termasuk jurnal Scopus/WoS percuma dan penulisan buku yang ditransformasikan dari tesis kepada buku penyelidikan (Lampiran 3.4.3b). Ini dapat membantu para pensyarah meningkatkan pengetahuan dalam penerbitan jurnal mahupun buku.
3. Insentif bantuan kewangan diberikan sebagai motivasi kepada pensyarah untuk pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan penerbitan. Insentif bantuan kewangan ini diberikan berasaskan kepada impak dan kedudukan indeks jurnal yang diterbitkan seperti **MyCite, WoS** dan **Scopus** (Lampiran 3.4.3c)
4. **FSPPP sangat komited dalam memastikan pencapaian PI RiCAEN dapat dicapai target dengan melaksanakan pemantauan dan membuat laporan terhadap kejayaan pencapaian PI kepada warga fakulti.** Hal ini akan membantu para pensyarah sentiasa berusaha untuk mencapai PI yang telah ditetapkan oleh fakulti dalam aspek penyelidikan dan penerbitan. Pembentangan laporan dan pencapaian ini dilaksanakan di dalam mesyuarat fakulti dan pengurusan (Lampiran 3.4.3d)
5. Selain itu, webinar mengenai teknik permohonan geran dan dana penyelidikan diadakan untuk memastikan pensyarah mendapat pengetahuan yang diperlukan bagi mendapatkan sokongan kewangan untuk projek mereka. Fakulti juga menganjurkan bengkel dan kursus penerbitan serta penyelidikan untuk meningkatkan kemahiran staf. (Lampiran 3.4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_T01_TB04_TC03_20251_LAMPIRAN 3.4.3a LAPORAN ADUAN PELANGGAN DALAM MESYUARAT PENGURUSAN.pdf](#)
2. [F0064_T01_TB04_TC03_20252_LAMPIRAN 3.4.3b WEBINAR DAN BENGKEL PENERBITAN.pdf](#)
3. [F0064_T01_TB04_TC03_20253_LAMPIRAN 3.4.3c RESEARCH PUBLICATIONS REWARD \(1\).pdf](#)
4. [F0064_T01_TB04_TC03_20254_LAMPIRAN 3.4.3d CABUTAN MINIT MESYUARAT MKSP.pdf](#)
5. [F0064_T01_TB04_TC03_20255_LAMPIRAN 3.4.3e PERLAKSANAAN BENGKEL DAN WEBINAR DALAM MENINGKATKAN PENGETAHUAN PENSYARAH.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahun 2024 menyaksikan beberapa pencapaian penting yang bukan sahaja meningkatkan kualiti penyelidikan, tetapi juga memperluas jaringan kolaborasi dengan institusi tempatan dan antarabangsa. Dari program penulisan hingga penganjuran persidangan antarabangsa, FSPPP terus komited dalam mencapai kecemerlangan akademik dan memperkasa warga fakulti untuk menghasilkan karya berkualiti tinggi. Antara integrasi yang dilakukan:

1. FSPPP memperkenalkan **Research Publication Reward 2024** (Lampiran 3.5.1) dengan memberi inisiatif dan intensif kepada pensyarah yang berjaya menghasilkan penerbitan dalam penerbitan berindeks seperti jurnal WOS/scopus, ERA dan penerbitan buku. Pensyarah yang berjaya menerbitkan buku contohnya, akan diberikan **insentif bayaran** bagi menggalakkan pensyarah menulis.
2. Bagi menyokong aktiviti penyelidikan, FSPPP telah menganjurkan pelbagai webinar yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran warga fakulti dalam usaha permohonan geran penyelidikan (Lampiran 3.5.2). Antara webinar yang dianjurkan adalah **Sharing Session: ILD Recipients Grants** yang bertujuan untuk berkongsi bagaimana tips untuk mendapatkan geran ILD, serta **Online Webinar on Matching Grants** yang mendedahkan kepada peserta berkenaan tips permohonan *matching grants*.
3. Dalam usaha menggalakkan warga FSPPP menghasilkan penerbitan di dalam jurnal berindeks mahupun buku, FSPPP tidak lokek menganjurkan pelbagai bengkel bagi membantu memberi pendedahan dan tips kepada warga FSPPP untuk menghasilkan penerbitan seperti buku dan jurnal (Lampiran 3.5.3). Antara bengkel yang dilaksanakan adalah Bengkel Penulisan Pantas: Dari tesis kepada buku, bengkel pencarian jurnal percuma 2.0 dan **webinar AI Powered Research Elevate your Grants Proposal and Academic Writing**.
4. FSPPP telah menjalin pelbagai kolaborasi penyelidikan dan penerbitan bagi menonjolkan FSPPP sebagai sebuah institusi yang bukan sahaja memberi manfaat kepada warganya tetapi juga kepada negara dan antarabangsa (Lampiran 3.5.4). FSPPP telah menganjurkan **International Conference on Public Policy and Social Sciences Students Edition 2024 (ICoPS-SE)** yang menjadi platform penting untuk perkongsian ilmu dan idea. Selain itu, FSPPP telah bekerjasama dengan **Department of Administrative Science, Hasanuddin University dan the Indonesian Association for Public Administration (IAPA) South and West Sulawesi Chapter** dalam penganjuran **The 2nd International Conference on Administrative Science (ICAS) 2024**.
5. Selain penyelidikan dan penerbitan, FSPPP sangat menggalakkan para warganya untuk menyertai pertandingan inovasi. FSPPP telah menghantar kontinjennya menyertai program inovasi di peringkat antarabangsa seperti **Invention, Innovation & Design Exposition 2024 (IIDEX)** (Lampiran 3.5.5).

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_T01_TB05_20251_LAMPIRAN 3.5.1 GANJARAN PENERBITAN PENYELIDIKAN.pdf](#)
2. [F0064_T01_TB05_20252_LAMPIRAN 3.5.2 WEBINAR PERKONGSIAN PERMOHONAN GERAN.pdf](#)
3. [F0064_T01_TB05_20253_LAMPIRAN 3.5.3 INTERVENSI MENGGALAKKAN PENERBITAN.pdf](#)
4. [F0064_T01_TB05_20254_LAMPIRAN 3.5.4 PERSIDANGAN ANTARABANGSA.pdf](#)
5. [F0064_T01_TB05_20255_LAMPIRAN 3.5.5 PENYERTAAN DAN PENCAPAIAN PROJEK INOVASI.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaksanaan Model Analisa Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersialan (ADP) di FSPPP

Aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSPPP merupakan teras kedua terpenting selepas pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga elemen ini menyumbang secara langsung kepada pencapaian visi dan misi Universiti Teknologi MARA (UiTM), selaras dengan matlamat menjadikan UiTM sebagai universiti terkemuka di peringkat global. FSPPP komited untuk **melaksanakan penyelidikan berimpak tinggi** yang bukan sahaja memperkaya ilmu pengetahuan, tetapi juga menyumbang kepada pembangunan masyarakat dan negara. Kejayaan dalam bidang tumpuan ini amat bergantung kepada kecekapan proses pengukuran, penganalisaan data, serta pengurusan pengetahuan yang sistematik dan strategik.

Bagi memperkukuh perancangan dalam bidang tumpuan, FSPPP menggunakan **Model Analisa Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersialan (ADP)**. Model ini memberi fokus kepada tiga entiti utama iaitu: staf akademik, Unit RiCAEN, dan pihak pengurusan Fakulti. Melalui model ini, setiap komponen organisasi memainkan peranan dalam menjayakan bidang tumpuan mengikut fungsi dan keupayaan masing-masing. Perancangan strategik dimulakan dengan pengumpulan data melalui templat F **SPPP Strategic Action Plan (SAP) serta penunjuk prestasi (PI)** yang dipertanggungjawabkan kepada Unit RiCAEN. Data yang diperoleh daripada sistem seperti MYATP, IRMIS dan PRIME digunakan untuk menilai tahap penglibatan staf dalam penyelidikan dan penerbitan. Pelaporan berkala oleh Unit RiCAEN menjadi asas penting dalam menilai prestasi semasa dan mengenal pasti ruang penambahbaikan. Di peringkat fakulti pula, usaha menggalakkan pencapaian dalam bidang tumpuan dilaksanakan melalui latihan, peruntukan kewangan, anugerah dan pengiktirafan, serta hebahan pencapaian.

Pelaksanaan pengukuran dan analisis pula dilaksanakan **berdasarkan prinsip-prinsip Model ADP**. Penilaian prestasi melibatkan pengumpulan data berkaitan jumlah geran penyelidikan di peringkat nasional, industri dan antarabangsa; bilangan *corresponding authors*; jumlah penerbitan (termasuk jurnal, buku, artikel media); serta penglibatan staf dalam pertandingan inovasi dan pengkomersialan. Proses ini dilaksanakan secara sistematik dengan memastikan semua aktiviti berkaitan diukur, dianalisis dan diurus sebagai sumber pengetahuan yang berharga untuk pembangunan fakulti.

Pemantauan prestasi bidang tumpuan dilaksanakan secara menyeluruh dan berstruktur. Ia merangkumi **pembentangan laporan oleh Penyelaras Perancangan Strategik, pemantauan berkala oleh Koordinator Penyelidikan, serta pelaporan dalam mesyuarat-mesyuarat utama fakulti** seperti Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti, MKSP, dan Mesyuarat RiCAEN. Pendekatan ini memastikan penilaian dijalankan secara konsisten, serta memberi maklum balas segera untuk tindakan susulan.

Akhir sekali, tindakan penambahbaikan dilaksanakan melalui penilaian risiko yang sistematik. Risiko dibahagikan kepada risiko dalaman (operasi, kewangan dan sumber manusia) dan risiko luaran (cabaran dasar, perubahan persekitaran industri). Strategi penambahbaikan termasuklah **pelaksanaan peer support groups, insentif penyelidikan seperti FSPPP Reseach Publication Reward, penglibatan penyelidik luar, serta penerbitan bersama pihak industri.**

Secara keseluruhannya, Model ADP telah menjadi tonggak utama dalam memperkukuh budaya penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSPPP secara menyeluruh dan berimpak tinggi.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Peranan Model Analisa Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersialan (ADP) dalam Meningkatkan Kecemerlangan FSPPP

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) sentiasa menitikberatkan kepentingan penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan sebagai elemen teras kedua terpenting selepas pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga bidang tumpuan ini dianggap sebagai **pemacu utama dalam menyumbang kepada kecemerlangan UiTM** secara keseluruhannya, terutamanya dalam usaha mencapai matlamat *Globally Renowned University 2025* (GRU 2025)(LAMPIRAN 4.2.a). Sehubungan itu, FSPPP telah membangunkan **Model Analisa Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersialan (ADP)** sebagai pendekatan strategik bagi merancang, melaksanakan dan menilai prestasi dalam bidang-bidang tersebut (Lampiran 4.2.b).

Model ADP memberi tumpuan kepada tiga komponen utama, iaitu **staf akademik, Unit RiCAEN**, dan pengurusan fakulti. Ketiga-tiga komponen ini memainkan peranan yang saling melengkapi dalam memastikan pencapaian sasaran bidang tumpuan. Perancangan dimulakan setiap tahun menerusi bengkel perancangan strategik yang menetapkan hala tuju, sasaran, dan keutamaan setiap entiti. Peranan staf akademik ditumpukan kepada penghasilan *output* seperti penerbitan jurnal dan penyertaan dalam penyelidikan, manakala **Unit RiCAEN** berfungsi sebagai penyelarar pelaksanaan inisiatif penyelidikan dan penerbitan. Fakulti pula menyediakan dasar, peruntukan kewangan serta insentif sebagai sokongan sistemik kepada keseluruhan ekosistem.

Dari sudut pengukuran prestasi staf akademik, **model ADP** menggunakan pelbagai sistem pelaporan utama UiTM seperti **MYATP, PRIME** dan **IRMIS**. Melalui sistem ini, maklumat berkaitan penerbitan, penyelidikan, dan pengkomersialan direkod dan dianalisis. Staf digalakkan untuk menjadi sekurang-kurangnya seorang *corresponding author* setiap tahun bagi memastikan penyertaan aktif dalam penerbitan berkualiti. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan pencapaian individu, malah memperkukuh budaya akademik dalam fakulti (Lampiran 4.2.c).

Bagi Unit RiCAEN, penilaian pencapaian dilakukan melalui data yang disusun dalam **Strategic Action Plan (SAP)** serta **Penunjuk Prestasi (PI)** yang ditetapkan di peringkat universiti. Setiap aktiviti seperti klinik penyelidikan, bengkel penulisan dan pemantauan geran dikendalikan secara sistematik. **Penyelaras STU (PSTU)** melaporkan pencapaian PI setiap bulan manakala penilaian tahunan dilakukan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dan sistem i-SCORE UiTM. Proses ini membantu memastikan perancangan strategik kekal sejajar dengan aspirasi institusi.

Fakulti pula memainkan peranan penting dalam menyokong pencapaian bidang tumpuan melalui tiga pendekatan utama: penyediaan peruntukan kewangan, pemberian anugerah dan pengiktirafan, serta hebahan pencapaian. Peruntukan dana penyelidikan, sokongan pembiayaan penerbitan dan galakan untuk pendaftaran hak cipta atau paten antara contoh komitmen fakulti. Staf yang menunjukkan prestasi cemerlang turut diraikan melalui anugerah khas, sementara hebahan pencapaian melalui poster, media sosial dan laman web membantu membina motivasi dan semangat bersaing secara sihat (Lampiran 4.2.d).

Justeru, **Model ADP** telah menjadi instrumen penting dalam memperkukuh budaya penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSPPP. Melalui pendekatan berasaskan data, pemantauan berstruktur, dan penambahbaikan berterusan, model ini berjaya menyokong usaha fakulti dalam menyumbang kepada reputasi UiTM di peringkat nasional dan antarabangsa. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan prestasi fakulti, malah melahirkan warga akademik yang lebih proaktif, berdaya saing dan berimpak tinggi (Lampiran 4.2.e).

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_A01_AB02_20251_4.2.A.EROSIS10011.pdf](#)
2. [F0064_A01_AB02_20252_4.2.B SAP.pdf](#)
3. [F0064_A01_AB02_20253_4.2.C Kempen Kesarjanaan.pdf](#)
4. [F0064_A01_AB02_20254_4.2.D Poster Pamakluman Kejayaan Warga.pdf](#)
5. [F0064_A01_AB02_20255_4.2.E Anugerah FSPPP 2024.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FSPPP merupakan antara fakulti sains sosial terkemuka di UiTM dengan rekod cemerlang dalam memperoleh geran penyelidikan di peringkat nasional dan industri. Fokus utama penyelidikan tertumpu kepada isu-isu seperti dasar awam, pentadbiran awam dan korporat, tingkah laku organisasi serta sains politik (Lampiran 4.3.a).

Bagi memastikan penyelidikan memberi impak tinggi, FSPPP melaksanakan **Model Analisis Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersialan (ADP)** yang menilai prestasi berdasarkan tiga komponen utama: staf, unit, dan fakulti (Lampiran 4.2.a). Model ini membantu menyelaraskan perancangan melalui SAP agar selaras dengan objektif kualiti fakulti serta visi dan misi UiTM.

Unit RiCAEN memainkan peranan penting dalam mengurus dan menyelaras pelaksanaan ADP, termasuk pengumpulan data prestasi staf dan jabatan (Lampiran 4.3.b). Selain itu, fakulti turut menggalakkan budaya inovasi dengan penglibatan staf dalam pertandingan inovasi dan pengkomersialan. Inisiatif ini berjaya memupuk kreativiti dan meningkatkan ketampakan fakulti di peringkat nasional dan antarabangsa (Lampiran 4.3.c).

FSPPP juga memberi penekanan terhadap penghasilan kertas polisi sebagai hasil penyelidikan yang meningkatkan *niche* fakulti. Kertas polisi berfungsi sebagai medium untuk mencadangkan penambahbaikan dasar sedia ada atau memperkenalkan dasar baharu. Ia menyumbang secara langsung kepada pembuat dasar dan agensi berkepentingan. Beberapa kertas polisi yang dihasilkan oleh penyelidik FSPPP telah digunakan dalam sesi libat urus bersama kementerian dan organisasi awam sebagai input dasar berasaskan bukti (Lampiran 4.3.d).

Data penerbitan fakulti dikumpul melalui **sistem PRIME** yang meliputi bilangan staf, peranan *corresponding author*, kategori penerbitan, dan jumlah artikel berindeks (Lampiran 4.3.e). Staf juga digalakkan untuk memaklumkan sebarang aktiviti penerbitan dan penyelidikan kepada Koordinator Penyelidikan supaya hebahan pencapaian dapat dibuat oleh Koordinator Korporat. Penilaian bidang tumpuan ini turut dimasukkan dalam Sasaran Kerja Tahunan melalui sistem **MYATP**.

Dari segi pengurusan geran, semua ketua projek perlu merekodkan geran yang diperoleh dalam sistem IRMIS agar maklumat disalurkan terus ke MYATP. Tawaran **geran dalaman fakulti (FIRG)** turut disediakan oleh Unit RiCAEN dan didaftarkan secara rasmi di RMC UiTM. Semua surat tawaran direkodkan untuk tujuan pemantauan dan pelaporan tahunan dalam mesyuarat fakulti.

FSPPP juga menggalakkan staf untuk berkongsi penemuan kajian melalui media massa, akhbar dan makalah popular sebagai strategi memperkukuh keterlihatan penyelidikan dan sumbangan fakulti kepada masyarakat dan negara (Lampiran 4.3.e).

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_A01_AB03_20251_4.3.ASenarai Geran 1.pdf](#)
2. [F0064_A01_AB03_20252_4.3.B Flowchart Pengumpulan Data.pdf](#)
3. [F0064_A01_AB03_20253_4.3.C Poster Inovasi.pdf](#)
4. [F0064_A01_AB03_20254_4.3.DSenarai Kertas Polisi.pdf](#)
5. [F0064_A01_AB03_20255_4.3.E Database Penerbitan Pensyarah.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan aktiviti penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan di FSPPP dilaksanakan secara konsisten oleh Unit RiCAEN. Data prestasi dikumpulkan melalui laporan bulanan yang dibentangkan oleh Penyelaras Perancangan Strategik Fakulti (PSTU) dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti. PSTU turut memberi peringatan kepada pengurusan sekiranya terdapat penunjuk prestasi (PI) yang masih pada tahap 0% (Lampiran 4.4.1.a).

Koordinator Penyelidikan Fakulti, di bawah Unit RiCAEN, memastikan semua perancangan aktiviti dan program dilaksanakan bagi menyokong pencapaian PI. Selain itu, semakan berkala turut dijalankan bersama Pusat Transformasi Universiti (PTU) untuk menyemak data yang belum dilaporkan atau direkodkan oleh pegawai bertanggungjawab.

Pemantauan terhadap projek penyelidikan berasaskan geran dalaman fakulti turut dijalankan setiap enam bulan (Lampiran 4.4.1.b). Ketua penyelidik perlu mengemas kini pelaporan kemajuan dalam sistem IRMIS bagi memastikan pencapaian seiring dengan PI yang ditetapkan.

FSPPP juga menganjurkan persidangan antarabangsa bersama universiti rakan strategik yang mempunyai **Memorandum Persefahaman (MoU)** dengan **UiTM**. Inisiatif ini meningkatkan kerjasama penerbitan antarabangsa, jumlah sitasi, dan kolaborasi akademik (Lampiran 4.4.1.c). Usaha penambahbaikan turut dilaksanakan secara berterusan untuk meningkatkan jumlah artikel staf yang diindeks dalam **SCOPUS, WOS, ERA, dan MyCite**. **Untuk pemantauan data, Koordinator Penyelidikan menggunakan perisian Microsoft Excel sebagai pangkalan data utama** (Lampiran 4.3.e).

Selain itu, **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti (JPF)** menjadi platform penting untuk membincangkan prestasi dan kualiti penyelidikan oleh staf dan pelajar. Semakan dan kelulusan permohonan Etika bagi semua kajian juga dibuat melalui JPF (Lampiran 4.4.1.d).

Pemantauan turut dilengkapkan melalui **Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP)** tahunan yang dikendalikan oleh Unit Kualiti. Hasilnya dapat dilihat melalui pencapaian nisbah pensyarah kepada jumlah penerbitan, di mana FSPPP berada dalam kelompok 10 terbaik fakulti di UiTM (Lampiran 4.2.b).

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_A01_AB04_AC01_20251_4.4.1.A Pemantauan PTSU.pdf](#)
2. [F0064_A01_AB04_AC01_20252_4.4.1.B Pemantauan FIRG.pdf](#)
3. [F0064_A01_AB04_AC01_20253_4.4.1.C Kerjasama dengan Universiti Luar.pdf](#)
4. [F0064_A01_AB04_AC01_20254_4.4.1.D Mesyuarat JPF.pdf](#)
5. [F0064_A01_AB04_AC01_20255_4.3.E Database Penerbitan Pensyarah.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan pengetahuan dan analisis risiko merupakan asas penting dalam menjayakan program dan aktiviti bidang tumpuan di FSPPP. Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan, fakulti telah melaksanakan pendekatan proaktif merangkumi langkah mengenal pasti, menilai, mengurus serta memantau risiko secara berterusan (Lampiran 4.4.2.a).

FSPPP mengklasifikasikan risiko kepada dua kategori utama: risiko dalaman dan risiko luaran (Lampiran 4.4.2.b). **Risiko dalaman** merangkumi aspek yang boleh dikawal oleh fakulti, seperti risiko operasi iaitu jam mengajar yang tinggi; risiko kewangan dalam kekangan dalam membiayai projek; serta risiko sumber manusia terutamanya kurang pengetahuan, motivasi rendah, dan kekangan masa. Manakala **risiko luaran** melibatkan faktor di luar kawalan fakulti seperti perubahan dasar, kekangan perundangan dan keterbatasan dana dari peringkat universiti.

Penilaian risiko dibuat dengan mempertimbangkan kebarangkalian, impak, dan keutamaan. Fakulti menggunakan data penglibatan staf, tren prestasi, dan input pakar untuk menilai potensi kesan terhadap pencapaian penunjuk prestasi (PI) (Lampiran 4.4.2.b). Risiko berimpak tinggi akan diberi perhatian utama dalam pelaksanaan tindakan mitigasi (Lampiran 4.4.2.c).

Langkah pengurusan termasuk memperkemas proses kerja, menyediakan latihan kepada staf, serta melaksanakan strategi kolaboratif seperti perkongsian projek bagi meningkatkan kemahiran dan motivasi. Risiko berimpak rendah pula dipantau secara berkala bagi mengelakkan peningkatan (Lampiran 4.4.2.d).

Pemantauan risiko dilakukan secara berjadual untuk menilai sebarang perubahan dalam tahap kebarangkalian atau impak dan ianya juga dibentangkan kepada pihak universiti melalui **Mesyuarat JKIPA** (Lampiran 4.4.2.b). Saranan dari JKIPA akan diambil dan disulam dalam strategi fakulti untuk memastikan sinergi di antara aspirasi universiti dan matlamat fakulti selari.

Justeru, penilaian semula akan dijalankan untuk memastikan strategi yang dilaksana kekal relevan dan berkesan. FSPPP juga membangunkan sistem pelaporan risiko yang selaras dengan garis panduan universiti agar maklumat disampaikan secara teratur melalui mesyuarat pengurusan fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_A01_AB04_AC02_20251_4.4.2.A Proses Pengukuran Analisa dan Pengurusan.pdf](#)
2. [F0064_A01_AB04_AC02_20252_4.4.2.B Penilaian Risiko .pdf](#)
3. [F0064_A01_AB04_AC02_20253_4.4.2.C Program Mitigasi.pdf](#)
4. [F0064_A01_AB04_AC02_20254_4.4.2.D Laporan dan Pemantauan Risiko.pdf](#)

4.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Penganalisan data untuk menilai tindakan penambahbaikan program dan aktiviti bidang tumpuan diselaraskan oleh Unit RiCAEN FSPPP, di bawah tanggungjawab Koordinator Penyelidikan. Pelbagai kaedah yang efektif telah digunakan bagi memastikan penambahbaikan dibuat secara berasaskan data, berfokus dan berimpak. Strategi pelaksanaan merangkumi langkah berikut:

1. Pengumpulan Data

Fakulti mengumpul data daripada pelaksanaan program dan aktiviti terdahulu. Data ini meliputi hasil penyelidikan, bilangan penerbitan, kadar penerimaan artikel dalam jurnal berimpak tinggi, hasil pengkomersialan, serta maklum balas daripada pihak berkepentingan seperti penyelidik, industri, agensi kerajaan, universiti luar negara dan masyarakat umum (Lampiran 4.4.3.A, Lampiran 4.3.E).

2. Penilaian Keberkesanan

Data yang diperoleh dianalisis untuk menilai sama ada tindakan yang diambil sejajar dengan matlamat yang ditetapkan. Penilaian ini membantu mengenal pasti keberhasilan dari segi peningkatan kuantiti dan kualiti penyelidikan, penerbitan serta aktiviti pengkomersialan (Lampiran 4.4.3.a, Lampiran 4.3.e).

3. Kajian Kelemahan dan Peluang Penambahbaikan

Fakulti mengenal pasti kekangan dalam pelaksanaan seperti isu sumber manusia, masalah teknikal atau pengaruh faktor luaran. Pada masa yang sama, peluang penambahbaikan turut digariskan dan dibentangkan melalui mesyuarat pengurusan dan JKIPA untuk tindakan lanjut (Lampiran 4.4.2.b).

4. Maklum Balas dan Amalan Terbaik

Maklum balas daripada rakan penyelidik, industri dan agensi luar, termasuk melalui sesi libat urus berkala, dijadikan asas penambahbaikan. Fakulti juga mengkaji amalan terbaik dari institusi lain yang boleh diadaptasi untuk memperkukuh pelaksanaan aktiviti bidang tumpuan (Lampiran 4.4.3.b).

5. Cadangan Penambahbaikan

Berdasarkan analisis, fakulti merangka cadangan penambahbaikan seperti penubuhan entiti kecemerlangan (contoh, *Governance and Policy Studies* atau GAPS), pemberian insentif penyelidikan (contohnya, FSPPP RiCAEN *Publication Reward*), penglibatan rakan penyelidikan dari institusi luar, serta penerbitan buku hasil kerjasama dengan industri (Lampiran 4.4.2.c).

6. Pelaksanaan dan Pemantauan Semula

Cadangan yang diluluskan akan dilaksanakan, dan keberkesananannya dipantau secara berkala. Proses ini adalah berulang, memastikan program dan aktiviti sentiasa ditambah baik dan kekal relevan (Lampiran 4.4.3.a).

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_A01_AB04_AC03_20251_4.4.3.A Maklumbalas dari Peserta.pdf](#)
2. [F0064_A01_AB04_AC03_20252_4.4.3.B Aktiviti Penanda Aras Amalan Terbaik.pdf](#)
3. [F0064_A01_AB04_AC03_20253_4.3.E Database Penerbitan Pensyarah.pdf](#)
4. [F0064_A01_AB04_AC03_20254_4.4.2.B Penilaian Risiko .pdf](#)
5. [F0064_A01_AB04_AC03_20255_4.4.2.C Program Mitigasi.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan kaedah yang sistematik dalam pengumpulan data dan pemantauan hasil telah mendorong peningkatan ketara dalam pelaksanaan aktiviti bidang tumpuan di FSPPP. Proses penganalisan data ini menjadi asas kepada penambahbaikan berterusan dan pemacu kepada inovasi fakulti. Sehubungan itu, FSPPP telah **membangunkan sistem pengurusan pengetahuan** bagi tujuan mengumpul, menyimpan, dan berkongsi hasil analisis data dengan warga fakulti. Sistem ini memudahkan akses kepada Koordinator Penyelidikan dalam merancang program dan merangka strategi penambahbaikan yang lebih berfokus.

Data berkaitan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dikumpulkan melalui **sistem PRIME yang dikemas kini berdasarkan input setiap pensyarah**. Data ini kemudiannya diplot ke dalam templat pemantauan penerbitan untuk semakan pencapaian Penunjuk Prestasi (PI) (Lampiran 4.3.b dan 4.3.e). Selain itu, fakulti turut melaksanakan Survei Kesarjanaan Staf pada awal tahun bagi mengenal pasti keperluan pensyarah dan hala tuju aktiviti sepanjang tahun (Lampiran 4.5.a). Laporan pencapaian dan aktiviti PI disediakan setiap suku tahun – pada bulan April, Julai, September dan Disember – dan dibentangkan oleh Timbalan Dekan RiCAEN di Mesyuarat Akademik (Lampiran 4.5.b).

Hasil analisis data diselaraskan dengan matlamat strategik universiti bagi memastikan sebarang penambahbaikan atau inovasi yang dicadangkan sejajar dengan visi dan misi UiTM. Fakulti turut meningkatkan kerjasama dengan organisasi luar melalui **perkongsian maklumat analisis data**, terutamanya dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Pendekatan kolaboratif ini telah membuahkan hasil yang signifikan, termasuk kejayaan memperoleh geran penyelidikan daripada kementerian dan agensi swasta. Inisiatif ini secara langsung menyumbang kepada pembangunan dasar negara dan matlamat strategik universiti (Lampiran 4.3.d).

Pengiktirafan terhadap kepakaran penyelidik FSPPP turut ditunjukkan melalui **jemputan sebagai panel atau penceramah di media** arus perdana bagi membincangkan isu-isu semasa berkaitan dasar awam dan politik (Lampiran 4.5.c).

Bagi meraikan pencapaian warga fakulti, FSPPP turut **menganjurkan Hari Kecemerlangan Fakulti setiap tahun** sebagai penghargaan terhadap sumbangan dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan (Lampiran 4.5.d). Melalui integrasi sistem analisis data dan usaha pengiktirafan ini, FSPPP berjaya meningkatkan kualiti serta keberkesanan bidang tumpuan, seterusnya memacu inovasi dan memberi kelebihan daya saing kepada fakulti dan universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_A01_AB05_20251_4.5.A Tinjauan Kesarjanaan Staf.pdf](#)
2. [F0064_A01_AB05_20252_4.5.B Laporan Pencapaian Suku.pdf](#)
3. [F0064_A01_AB05_20253_F0064_A01_AB05_20253_4.5.C Penceramah Jemputan FSPPP.pdf](#)
4. [F0064_A01_AB05_20255_4.3.E Database Penerbitan Pensyarah.pdf](#)
5. [F0064_A01_AB05_20255_4.5.D HKF.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Elemen sumber manusia memainkan peranan penting dalam menggerakkan sesebuah organisasi bagi menjayakan inisiatif strategik yang dirancang. FSPPP sentiasa menggalakkan seluruh staf akademik dan bukan akademik untuk bersama-sama terlibat dalam melaksanakan program berkaitan hal ehwal pengurusan dan pembangunan pelajar.

Perancangan sumber manusia yang teliti adalah merupakan aspek yang diberikan penekanan oleh pihak fakulti. **Pelan penggantian bagi jawatan pentadbir akademik** diwujudkan di FSPPP agar kesinambungan tugas dan proses kerja di FSPPP dapat berjalan lancar. Perancangan dan pelantikan staf yang berkecukupan dan mempunyai kepakaran mampu menyumbang kepada kejayaan sesebuah program yang dilaksanakan.

Struktur pengurusan fakulti diperkasakan dengan perincian tugas dan tanggungjawab melibatkan Timbalan Dekan, Ketua Pusat Pengajian, Koordinator RiCAEN serta Penyelaras Penyelidikan. Disamping itu, bagi menyokong fungsi HEP, warga FSPPP turut dilantik sebagai ahli jawatankuasa dalam membantu menggerakkan aktiviti yang dilaksanakan di peringkat fakulti. **Setiap warga FSPPP perlu terlibat sekurang-kurangnya dalam satu program** yang melibatkan aktiviti pelajar atau komuniti setempat. Pembangunan bakat, kemahiran dan pengetahuan juga amat dititikberatkan. Sehubungan dengan itu, individu yang berpotensi dikenalpasti dan digalakkan untuk menyertai kursus, bengkel atau seminar bagi mengukuhkan kompetensi diri.

Pelaporan berkala sentiasa dilaporkan di dalam Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dilaksanakan bagi **memantau keberkesanan sumber manusia di fakulti**. Perkara ini amat diberikan penekanan dalam memastikan aspek sumber manusia fakulti bergerak seiring dengan inisiatif strategik yang telah dirancang. Melalui pelaporan ini, masalah atau kekangan yang diutarakan akan diambil kira untuk proses penambahbaikan berterusan. Pemantauan keberkesanan sumber manusia turut dinilai semasa penyediaan **Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan**.

Proses penambahbaikan berterusan juga adalah aspek yang dititikberatkan dalam pengurusan sumber manusia. Sehubungan dengan itu, staf akademik dan staf pentadbiran amat diberikan galakan untuk bekerja secara kreatif dan inovatif. Penyertaan FSPPP dalam pertandingan seperti **Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Kecemerlangan Operasi (OE)** dan sebagainya membantu proses penambahbaikan berterusan untuk meningkatkan produktiviti sumber manusia di fakulti.

FSPPP juga giat menjalankan **kolaborasi bersama pihak industri, agensi Kerajaan, IPTA/S** dalam usaha meningkatkan aktiviti penyelidikan dalam kalangan pensyarah. Ini juga merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan kepakaran ahli fakulti secara khusus dalam bidang penyelidikan dan penerbitan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

(i) Kaedah pengurusan bagi menjayakan bidang tumpuan yang dipilih

Kaedah pengurusan sumber manusia FSPPP adalah berteraskan **konsep perancangan teliti, pembangunan bakat berterusan dan perancangan pelan penggantian** yang jelas. Ini kerana sumber manusia merupakan aset penting dalam menentukan kejayaan fakulti. (Lampiran 5.1.1 Carta Jabatan)

Sehubungan dengan itu, berikut adalah antara kaedah yang digunakan oleh FSPPP dalam pengurusan sumber manusia untuk menjayakan bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan:

1. **TD RiCAEN** – berperanan dalam merancang dan memastikan hal ehwal pengurusan penyelidikan dan penerbitan FSPPP dilaksanakan berdasarkan strategi dan inisiatif yang dirangka.
2. **Koordinator RiCAEN** – berperanan dalam membantu TD RiCAEN untuk mengurus, menyelaras dan melaksanakan aktiviti yang menyumbang kepada aspek penyelidikan
3. **Penyelaras Penyelidikan** – Membantu pelaksanaan geran dan penerbitan

Konsep pengurusan sumber manusia yang teratur ini telah membantu fakulti dalam meningkatkan peranan sumber manusia ke arah pencapaian yang berimpak tinggi yang mampu mengharumkan nama fakulti. Ini dapat dibuktikan melalui pencapaian FSPPP dalam memenuhi PI RiCAEN bagi tahun 2024 yang diberikan oleh Universiti mengenai hasil penglibatan semua warga fakulti yang merangkumi staf dan pelajar. (Lampiran 5.1.2 Perancangan RiCAEN)

(ii) Bentuk penghargaan dan pengiktirafan kepada sumber manusia

FSPPP sangat menghargai sumbangan yang dilakukan oleh warga fakulti dalam menjayakan bidang tumpuan. Sehubungan dengan itu pengiktirafan dan ganjaran kepada tenaga sumber manusia sentiasa dilaksanakan oleh pihak fakulti sebagai satu bentuk penghargaan terhadap sumbangan yang diberikan. Berikut adalah antara bentuk penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan kepada sumber manusia:

1. **Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)** adalah satu bentuk penghargaan bagi mengiktiraf individu yang mempamerkan prestasi yang cemerlang pada setiap tahun.
2. **Hari Kecemerlangan Fakulti** dilaksanakan bagi memberi penghargaan kepada warga fakulti yang banyak memberi sumbangan kepada warga fakulti. Antara kategori pengiktirafan adalah seperti Penulis Prolifik (Lampiran 5.1.3 Sijil Hari Kecemerlangan Fakulti)
3. FSPPP turut membuat **hebahan penghargaan** melalui poster bagi setiap kejayaan yang dicapai oleh staf dalam mengharumkan nama fakulti. Hebahan ini adalah melalui medium media sosial rasmi fakulti, emel dan *whatapps* rasmi fakulti.

Proses penambahbaikan berterusan juga adalah aspek yang dititikberatkan dalam pengurusan sumber manusia. Sehubungan dengan itu, pihak RiCAEN sentiasa merancang latihan-latihan seperti bengkel penulisan, kepada staf akademik dan sebagainya **membantu proses penambahbaikan berterusan** untuk meningkatkan produktiviti sumber manusia di fakulti. (Lampiran 5.1.5 Analisa Keperluan Latihan penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan)

FSPPP juga giat menjalankan **kolaborasi dengan industri, agensi Kerajaan, IPTA/S** dalam usaha meningkatkan aktiviti penyelidikan dalam kalangan pensyarah. Ini juga merupakan sebahagian daripada usaha meningkatkan kepakaran ahli fakulti secara khusus dalam bidang penyelidikan.

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_S01_SB02_20251_Bukti 5.1.1 carta jabatan.pdf](#)
2. [F0064_S01_SB02_20252_Bukti 5.1.2 TARGET PI FSPPP RICAEN 2024 & 2025.pdf](#)
3. [F0064_S01_SB02_20253_Bukti 5.1.3 kecemerlangan staf.pdf](#)
4. [F0064_S01_SB02_20254_Bukti 5.1.4 penghargaan poster.pdf](#)
5. [F0064_S01_SB02_20255_Pemetaan Kesarjanaan Pensyarah FSPPP - Google Forms.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi menjayakan aktiviti pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, pihak fakulti telah menjalankan aktiviti untuk melibatkan sumber manusia **Inisiatif Strategik 2022-2025**.

Berikut adalah penglibatan dan pengoptimaan kepakaran serta pengalaman sumber manusia fakulti dalam menggerakkan inisiatif yang dirancang.

a) Program Anjuran FSPPP

Tahun 2024 telah menyaksikan staf FSPPP terlibat dalam pelbagai bentuk program bersifat pengantarabangsaan. Program ini tidak akan dapat direalisasikan tanpa tunjuk ajar dan bimbingan pihak pengurusan.

Antara program besar yang telah dilaksanakan melibatkan kepakaran dan pengalaman staf FSPPP adalah seperti berikut:

- *ICOPS-SE*
- *International Conference on Public Policy and Social Sciences* (Lampiran 5.3.1 Program Fakulti)

b) Geran Dalaman

- Proses operasi bagi memudahkan pensyarah mengatasi masalah yang mereka hadapi seperti masalah peruntukan, diatasi dengan menawarkan geran dalaman. Sebanyak 5 geran dalam ditawarkan kepada warga FSPPP berjumlah RM25,000.

c) Geran Luar

Fakulti turut menggalakkan kakitangan untuk melihat peluang dari pihak luar sama ada industri, agensi Kerajaan mahupun agensi swasta. (Lampiran 5.3.2 Senarai geran luar dan dalam)

• **Setiap jumaat waktu menulis untuk penerbitan**

FSPPP telah mewartakan hari Jumaat sebagai hari menulis. Ini merupakan usaha fakulti untuk menggalakkan dan meningkatkan penerbitan untuk mencapai KPI fakulti.

• **Motivasi**

Bagi meningkatkan motivasi para pensyarah bagi mencapai KPI tumpuan adalah dengan menawarkan *Research Publication Award* iaitu Insentif berbentuk kewangan sebanyak RM1000 untuk Q1, RM 300 bagi penerbitan SCOPUS/WOS, RM200 untuk ERA. (Lampiran 5.3.3 *Poster Reward*)

Fakulti turut memberi peruntukan khas kepada staf untuk terlibat dalam aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan iaitu sejumlah RM6000 kepada staf bagi menggalakkan aktiviti inovasi dalam kalangan staf. (Lampiran 5.3.4 Surat Kelulusan IIDEX)

d) Program bersifat pengkomersialan

Staf FSPPP juga terlibat dalam pelbagai program berbentuk keusahawanan dan inovasi. Program ini dirangka khas untuk memberikan ilmu dan nilai tambah kepada pembangunan staf. Contoh penglibatan dan pengoptimaan staf dalam program ini adalah seperti:

• **Inovasi**

Fakulti turut memberi peruntukan kepada staf dan pelajar untuk terlibat dalam program inovasi bagi meningkatkan kepakaran staf dalam bidang masing-masing. (Lampiran 5.3.5 Senarai penglibatan IID)

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_S01_SB03_20251_Bukti 5.3.1 Program Fakulti.pdf](#)
2. [F0064_S01_SB03_20252_Bukti 5.3.2 2024 FSPPP Senarai Geran Luar-Dalam.pdf](#)
3. [F0064_S01_SB03_20253_Bukti 5.3.3 research publication award fsppp.pdf](#)
4. [F0064_S01_SB03_20254_Bukti 5.3.4 2024 SURAT KELULUSAN IIDEX STAFF SEREMBAN.pdf](#)
5. [F0064_S01_SB03_20255_Bukti 5.3.5- Senarai penglibatan IID.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FSPPP amat menitikberatkan hal ehwal kepuasan hati dan aduan maklum balas pelanggan. Pengurusan fakulti percaya dengan **mengukur tahap kepuasan hati dan mengambil kira aduan daripada sumber manusia** dapat menambahbaik tahap perkhidmatan yang disediakan. Berdasarkan laporan UiTM *Happiness Index*, tahap indeks kegembiraan FSPPP adalah 75%. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan perkara ini sentiasa diambil berat, beberapa platform disediakan untuk mengukur tahap kepuasan hati dan aduan sumber manusia

• Analisa Keperluan Latihan

Fakulti telah menjalankan *survey* bagi mendapatkan maklumat tentang keperluan Latihan yang diperlukan oleh staf bagi membantu mereka mencapai KPI Fakulti. Analisa ini penting bagi memastikan program yang dijalankan adalah memenuhi keperluan staf dan juga memoptimumkan penggunaan kewangan fakulti. (Lampiran 5.1.5 Pemetaan Kesarjanaan Pensyarah FSPPP)

• Media sosial fakulti

Melalui wadah seperti *Facebook*, *Instagram* dan *Twitter* rasmi, warga fakulti dan pelajar boleh menyampaikan pandangan atau aduan yang memerlukan maklumbalas segera.

• Mesyuarat panel pembangunan sumber manusia (PPSM)

Mesyuarat ini akan melihat keperluan-keperluan latihan staf fakulti bagi meningkatkan pengetahuan dan kepakaran dalam mencapai objektif Fakulti amnya dan objektif staf secara khususnya. (Lampiran 5.4.2 PPSM)

• Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti

Mesyuarat ini akan membincangkan dan meluluskan urusan penyelidikan Fakulti. Selain itu, mesyuarat ini juga memperhalusi sebarang isu-isu yang dihadapi oleh penyelidik dan membantu menyelesaikan masalah yang memerlukan penglibatan pihak atasan. (Lampiran 5.4.3 Minit Mesyuarat Penyelidikan Fakulti)

• Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan

Mesyuarat ini dilaksanakan 2 kali setahun. Melalui mesyuarat ini agenda aduan maklumbalas pelanggan juga dibincangkan untuk tujuan pemakluman dan penambahbaikan berterusan. (Lampiran 5.4.4 MKSP RiCEAN).

• Mesyuarat Pengurusan

Mesyuarat ini dijalankan sebanyak 12 kali setahun akan membincangkan dan memberi kelulusan tentang apa-apa bajet yang diperlukan bagi Pembangunan staf.

Laporan pemantauan PI turut dibincangkan dan dianalisa setiap suku tahun. (Lampiran 5.4.5 Laporan Pemantauan PI RiCEAN)

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_S01_SB04_SC01_20251_Pemetaan Kesarjanaan Pensyarah FSPPP - Google Forms.pdf](#)
2. [F0064_S01_SB04_SC01_20252_Bukti 5.4.2 PPSM Bil 3 2024.pdf](#)
3. [F0064_S01_SB04_SC01_20253_Bukti 5.4.3 MINIT MESYUARAT RICAEN BIL 2_2024\[1\].pdf](#)
4. [F0064_S01_SB04_SC01_20254_Bukti 5.4.4 MKSP RICAEN.pdf](#)
5. [F0064_S01_SB04_SC01_20255_Bukti 5.4.5 Laporan Pemantauan PI Ican.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kegagalan sumber manusia dalam hal ehwal pengurusan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan boleh menjejaskan pelaksanaan aktiviti/inisiatif strategik yang dirancang oleh fakulti. Sehubungan dengan itu, sebagai mekanisme untuk mengelakkan risiko ini, pihak fakulti dibawah TD RiCAEN dan Koordinator Penyelidikan **sentiasa memantau pelaksanaan aktiviti yang telah diluluskan**. Berikut antara jenis risiko dan pelan tindakan pencegahan yang dilaksanakan di peringkat fakulti:

a) Bebanan kerja yang tinggi

Bagi mengelakkan staf dibebani beban tugas yang tinggi, pelaksanaan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dirancang dengan teliti pada awal semester supaya program yang dilaksanakan adalah program berimpak tinggi dan tidak bertindan antara satu sama lain.

b) Tiada motivasi kerana permohonan geran sering gagal

Menawarkan geran dalam dan geran padanan. Ini bukan sahaja meningkatkan jumlah geran, tetapi pelaksanaan strategi ini turut meningkatkan jumlah penerbitan dan juga kolaborasi dengan industri dan IPTA/S. (Lampiran 5.4.2.1 Tawaran Geran)

c) Isu kurang pengetahuan dan pengalaman

Bagi mengatasi risiko kurang pengetahuan, FSPPP melaksanakan webinar seperti Bengkel Penulisan Pantas Webinar AI. (Lampiran 5.4.2.2 Poster).

Selain itu, Fakulti turut menganjurkan latihan-latihan yang diperlukan staf mengikut permohonan. (Lampiran 5.4.2.3 Latihan penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan)

d) Meningkatkan motivasi

Setiap kejayaan akan diwar-warkan kepada semua warga fakulti supaya memberi motivasi kepada penyelidik tersebut untuk terus menulis dan menerbitkan hasil kajian mereka. Usaha ini juga dapat memberi motivasi kepada penyelidik lain untuk turut sama menyumbang kepada pencapaian KPI Fakulti di samping meningkatkan motivasi mereka untuk sentiasa memberi prestasi cemerlang kepada diri mereka dan juga kepada Fakulti amnya. (Lampiran 5.4.2.4 Poster kejayaan)

e) Penerapan Etika Kerja dalam Perkhidmatan untuk penambahbaikan berterusan

Kod Nilai dan Etika Warga UiTM (2019) (Lampiran 5.4.2.5 Penerapan Nilai Etika)

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_S01_SB04_SC02_20251_Bukti 5.4.2.1 – Tawaran Geran Dalaman.pdf](#)
2. [F0064_S01_SB04_SC02_20252_Bukti 5.4.2.2 Poster Latihan.pdf](#)
3. [F0064_S01_SB04_SC02_20253_Bukti 5.4.2.3 – Latihan penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan.pdf](#)
4. [F0064_S01_SB04_SC02_20254_Bukti 5.1.4 penghargaan poster.pdf](#)
5. [F0064_S01_SB04_SC02_20255_Bukti 5.4.2.5 nilai etika.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

FSPPP menekankan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi membantu proses penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Masalah-masalah yang diajukan oleh penyelidik dalam menjalankan penyelidikan mereka akan dibawa ke **Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti**. Di peringkat ini Jawatankuasa akan mencari jalan terbaik seperti menambah tempoh penyelidikan bagi memberi ruang kepada penyelidik menamatkan kajian mereka. (Lampiran 5.4.3.1 Minit JPF).

Bagi memastikan para penyelidik berjaya dalam permohonan geran, pihak Fakulti menjalankan **bengkel FRGS 2024**. Bengkel ini diadakan supaya proposal yang dihasilkan adalah berkualiti. Pensyarah senior akan membantu rakan-rakan pensyarah lain meneliti proposal mereka dan memberi cadangan penambahbaikan. (Lampiran 5.4.3.2 Poster Taklimat FRGS)

ICOPS-SE 2024 turut dilaksanakan bagi membantu staf menerbitkan hasil kajian mereka di peringkat antarabangsa. Melalui persidangan ini staf digalakkan bukan sahaja untuk terlibat sebagai jawatankuasa, tetapi staf juga digalakkan untuk menjadi pembentang dan meningkatkan jumlah penerbitan. (Lampiran 5.4.3.3 Bukti ICOPS-SE).

Bagi menggalakkan aktiviti pengkomersialan, Fakulti turut menawarkan **insentif iaitu tajaan yuran penyertaan** program inovasi IIDEX kepada 10 kumpulan penyarah. Inisiatif ini mengurangkan beban kewangan pensyarah dalam membantu Fakulti mencapai KPI Fakulti. (Lampiran 5.4.3.4 Surat kelulusan IIDEX).

Inisiatif penawaran reward kepada pensyarah yang membuat penerbitan di jurnal berindex merupakan usaha yang sangat strategik. Ini dapat dilihat dengan peningkatan jumlah penerbitan berbanding tahun 2023. (Lampiran 5.4.3.5 Poster *Reward*)

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_S01_SB04_SC03_20251_Bukti 5.4.3 MINIT MESYUARAT RICAEN BIL 2_2024\[1\].pdf](#)
2. [F0064_S01_SB04_SC03_20252_Bukti 5.4.3.2 Poster Taklimat FRGS.pdf](#)
3. [F0064_S01_SB04_SC03_20253_Bukti 5.4.3.3 Bukti ICOPS-SE.pdf](#)
4. [F0064_S01_SB04_SC03_20254_Bukti 5.3.4 2024 SURAT KELULUSAN IIDEX STAFF SEREMBAN.pdf](#)
5. [F0064_S01_SB04_SC03_20255_Bukti 5.3.3 research publication award fsppp.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Mengoptimumkan Kemahiran dan Bakat Pensyarah dan Pelajar

Penglibatan pensyarah dan pelajar FSPPP dalam **pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan** menunjukkan keterlibatan pensyarah dan pelajar yang aktif dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Penglibatan yang aktif juga menunjukkan pelajar mempunyai kemahiran pembelajaran dan inovasi yang unggul. Pengoptimuman kemahiran dan bakat pensyarah dan pelajar dapat dilihat melalui penyertaan pelajar dalam pelbagai pertandingan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. **Staf fakulti turut terlibat sama dengan pelajar dalam penerbitan dan pengkomersialan** seperti ICOP-SE, AEIC. *Student Leadership Simposium*. (Lampiran 5.5.1 Penglibatan Staf dan Pelajar & Lampiran 5.5.2 Pencapaian PI RiCEAN).

Usaha yang dijalankan oleh Fakulti telah membuktikan hasil yang mana staf dan pelajar telah menyumbang kepada kejayaan yang membawa nama Fakulti di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Dasarnya, pengurusan dan promosi program dengan industri, badan bukan kerajaan (NGO), agensi kerajaan dan masyarakat yang efisien berupaya menjadi sokongan yang kukuh dalam meningkatkan jumlah penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Inovasi utama iaitu **penawaran geran dalaman Fakulti seperti FIRG dan Geran Padanan** yang ditawarkan secara berkala dilihat berjaya mencapai objektif Fakulti dengan meningkatkan jumlah penyelidikan dan penerbitan. Walaupun terdapat kekangan peruntukan Fakulti bagi tahun 2024 berbanding tahun 2023, namun para pensyarah masih bersemangat menjalankan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan

Lampiran 5.5.3 Contoh Kejayaan Peringkat National

Lampiran 5.5.4 Contoh Kejayaan Peringkat Antarabangsa

Lampiran 5.5.5 Senarai penerbitan, penyelidikan dan pengkomersialan 2024

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_S01_SB05_20251_Bukti 5.5.1 Penglibatan staf dan pelajar.pdf](#)
2. [F0064_S01_SB05_20252_Bukti 5.5.2 Pencapaian PI lcan.pdf](#)
3. [F0064_S01_SB05_20253_Bukti 5.5.3 Contoh Kejayaan Peringkat National.pdf](#)
4. [F0064_S01_SB05_20254_Bukti 5.5.4 Contoh Kejayaan Peringkat Antarabangsa.pdf](#)
5. [F0064_S01_SB05_20255_Bukti 5.5.5 DATA PENERBITAN PENSYARAH FSPPP 2024.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) mengoperasikan aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan berasaskan kerangka *Plan, Do, Check, Act* (PDCA) dengan menekankan **integrasi menyeluruh antara perancangan strategik, pelaksanaan, pemantauan, dan tindakan penambahbaikan** dalam operasi organisasi.

Bidang tumpuan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSPPP merupakan agenda strategik kedua terpenting selepas pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga komponen ini mempunyai perkaitan langsung dengan pencapaian visi dan misi Universiti Teknologi MARA (UiTM), khususnya dalam merealisasikan hasrat menjadi universiti bertaraf global. Sehubungan itu, diperingkat **PERANCANGAN**, FSPPP telah membangunkan **Model Analisa Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersialan (ADP)** sebagai kerangka pengurusan strategik bagi menyelaraskan usaha penyelidikan fakulti.

Model ADP memberi tumpuan kepada tiga entiti utama iaitu staf akademik, Unit RiCAEN FSPPP dan pengurusan fakulti. Proses perancangan dilaksanakan melalui pengumpulan data berpandukan **Strategic Action Plan (SAP) FSPPP yang memfokuskan kepada Objektif Kualiti 6: Memastikan bilangan penerbitan berindeks mencapai 40 menjelang 2025 dan Objektif Kualiti 7: Memastikan nilai geran penyelidikan mencapai RM500,000 menjelang 2025** dan penunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan. Unit RiCAEN bertanggungjawab mengurus dan menganalisis data yang diperolehi daripada sistem seperti MYATP, IRMIS dan PRIME untuk menilai tahap penglibatan staf dalam aktiviti penyelidikan dan penerbitan. Pada masa yang sama, pihak pengurusan fakulti memperkukuh pelaksanaan melalui penyediaan latihan, peruntukan kewangan, pemberian pengiktirafan, serta hebahan pencapaian.

PELAKSANAAN Model ADP berasaskan kepada prinsip pengukuran dan analisis prestasi. Antara indikator utama yang digunakan termasuk jumlah geran penyelidikan di peringkat nasional, industri dan antarabangsa; bilangan corresponding authors; jumlah penerbitan dalam pelbagai bentuk (jurnal, buku, artikel media) serta tahap penglibatan staf dalam pertandingan inovasi dan aktiviti pengkomersialan. Di bawah Unit RiCAEN, **Koordinator Penyelidikan Fakulti sentiasa memastikan proses ini dijalankan secara sistematik** dengan tujuan menjadikan data sebagai asas kepada pembangunan fakulti yang lebih terancang dan berdaya saing.

PEMANTAUAN prestasi dijalankan secara menyeluruh dan berstruktur melalui pelbagai mekanisme, antaranya pembentangan laporan oleh Penyelaras Perancangan Strategik FSPPP, **pemantauan berkala** oleh Koordinator Penyelidikan, serta pelaporan dalam mesyuarat utama fakulti seperti **Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti, Mesyuarat Kualiti Strategik (MKSP) dan Mesyuarat RiCAEN**. Mekanisme ini membolehkan prestasi dinilai secara konsisten, di samping menyediakan ruang untuk penambahbaikan berterusan melalui maklum balas segera.

Manakala daripada sudut **TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN**, ianya dilaksanakan berdasarkan penilaian risiko yang dibahagikan kepada risiko dalaman (operasi, kewangan, sumber manusia) dan risiko luaran (perubahan dasar, cabaran industri). Antara strategi yang dilaksanakan termasuklah penubuhan **Entiti Kecemerlangan FSPPP (contohnya, Governance and Policy Studies atau GAPS), pemberian insentif penyelidikan (contohnya, FSPPP RiCAEN Publication Reward)**, penglibatan penyelidik luar, serta penerbitan bersama dengan pihak industri. Strategi ini bertujuan memperkukuh daya saing fakulti dalam bidang penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan Model ADP berasaskan kerangka PDCA telah memperkukuh budaya penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSPPP. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pengurusan ilmu, malah memberi impak

signifikan terhadap pembangunan fakultas serta menyumbang kepada agenda universiti dalam mencapai kedudukan unggul di peringkat antarabangsa.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Proses-Proses Utama Pelaksanaan Objektif & Inisiatif Strategik

Pelaksanaan bidang tumpuan **Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan** di FSPPP disusun berasaskan kerangka **Plan, Do, Check, Act (PDCA)** yang mengintegrasikan perancangan strategik, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan secara berterusan. Proses utama yang menyokong pencapaian objektif ini adalah seperti berikut:

1. Perancangan Strategik (Plan)

- FSPPP membangunkan **Model Analisa Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersialan (ADP)** sebagai kerangka utama.
- Perancangan berpaksikan **Strategic Action Plan (SAP)** fakulti yang menekankan **Objektif Kualiti 6** (40 penerbitan berindeks menjelang 2025) dan **Objektif Kualiti 7** (RM500,000 nilai geran penyelidikan menjelang 2025). (Lampiran 6.2A)
- Data dikumpulkan daripada sistem seperti **MYATP, IRMIS dan PRIME** untuk menilai penglibatan staf dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan.

2. Pelaksanaan (Do)

- **Unit RiCAEN** menjadi entiti penggerak dengan menyelaraskan analisis data, memantau prestasi staf dan menggalakkan penyertaan dalam pertandingan inovasi serta aktiviti pengkomersialan.
- Sokongan pengurusan fakulti diberikan melalui **latihan, peruntukan kewangan, pengiktirafan dan hebahkan pencapaian**. (Lampiran 6.2B)
- Indikator prestasi utama termasuk jumlah geran penyelidikan (nasional, industri, antarabangsa), bilangan corresponding authors, penerbitan dalam jurnal/buku/artikel media, serta penglibatan dalam kolaborasi industri.

3. Pemantauan (Check)

- Pemantauan prestasi dilaksanakan secara **berstruktur dan berjadual**.
- Mekanisme pelaporan merangkumi **Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti, MKSP dan Mesyuarat RiCAEN**. (Lampiran 6.2C)
- **Penyelaras Perancangan Strategik** serta **Koordinator Penyelidikan** bertanggungjawab menyediakan laporan prestasi dan maklum balas segera untuk menilai pencapaian serta mengenal pasti jurang pelaksanaan.

4. Tindakan Penambahbaikan (Act)

- Penilaian risiko dijalankan secara sistematik, meliputi **risiko dalaman** (operasi, kewangan, sumber manusia) dan **risiko luaran** (perubahan dasar, cabaran industri). (Lampiran 6.2D)
- Antara strategi penambahbaikan yang dilaksanakan ialah:
 - Penubuhan **Entiti Kecemerlangan FSPPP** seperti *Governance and Policy Studies (GAPS)*.
 - Pemberian insentif melalui **FSPPP RiCAEN Publication Reward**.
 - Penglibatan penyelidik luar serta kolaborasi bersama industri untuk penerbitan bersama.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, proses perancangan berasaskan Model ADP, pelaksanaan berstruktur melalui Unit RiCAEN, pemantauan sistematik, serta tindakan penambahbaikan berterusan telah memperkukuh budaya penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSPPP. Mekanisme ini bukan sahaja meningkatkan reputasi akademik fakulti, malah

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_O01_OB02_20251_KRITERIA 6 OPERASI Lampiran 6.2a.pdf](#)
2. [F0064_O01_OB02_20252_KRITERIA 6 OPERASI Lampiran 6.2b.pdf](#)

3. [F0064_O01_OB02_20253_KRITERIA 6 OPERASI Lampiran 6.2c.pdf](#)
4. [F0064_O01_OB02_20254_KRITERIA 6 OPERASI Lampiran 6.2d.pdf](#)
- 5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Aplikasi Model PDCA dalam Pelaksanaan Bidang Tumpuan

Pelaksanaan bidang **Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan** di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) dilaksanakan secara sistematik melalui model **Plan, Do, Check, Action (PDCA)**. Model ini menjadi asas pengurusan strategik fakulti bagi memastikan objektif dan inisiatif yang ditetapkan dapat dicapai dengan berkesan.

1. Plan (Perancangan)

FSPPP membangunkan **Model Analisa Data Penerbitan, Penyelidikan dan Pengkomersialan (ADP)** sebagai kerangka pengurusan utama. Pada fasa ini, data dikumpul melalui sistem seperti **MYATP, IRMIS dan PRIME** untuk menilai tahap penglibatan staf dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Perancangan ini berpandukan **Strategic Action Plan (SAP) FSPPP** yang menetapkan sasaran strategik, antaranya:

- **Objektif Kualiti 6:** 40 penerbitan berindeks menjelang 2025.
 - **Objektif Kualiti 7:** RM500,000 nilai geran penyelidikan menjelang 2025.
- Perancangan ini memastikan fakulti mempunyai hala tuju jelas yang selaras dengan visi UiTM sebagai universiti bertaraf global.

2. Do (Pelaksanaan)

Pelaksanaan dijalankan melalui peranan utama **Unit RiCAEN**, dengan kerjasama koordinator penyelidikan dan pengurusan fakulti. Aktiviti utama termasuk:

- Menyokong staf dengan latihan, insentif, dan sumber kewangan.
 - Menggalakkan penerbitan dalam jurnal berindeks, buku dan artikel media.
 - Meningkatkan penglibatan staf dalam pertandingan inovasi dan projek pengkomersialan.
 - Memperkukuh kolaborasi dengan industri, agensi, dan penyelidik luar.
- Pelaksanaan ini menekankan pencapaian indikator prestasi seperti jumlah geran, penerbitan, corresponding authors, serta aktiviti inovasi. (Lampiran 6.3.a)

3. Check (Pemantauan)

Proses pemantauan dilaksanakan secara berkala dan berstruktur melalui mekanisme pelaporan rasmi. Laporan prestasi disediakan oleh **Penyelaras Perancangan Strategik dan Koordinator Penyelidikan**, kemudian dibentangkan dalam mesyuarat fakulti seperti **Mesyuarat Pengurusan, Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti, Mesyuarat Kualiti Strategik (MKSP) dan Mesyuarat RiCAEN**. Proses ini membolehkan prestasi dinilai secara konsisten, jurang pencapaian dikenal pasti, serta tindakan penambahbaikan dirancang segera.

4. Action (Tindakan Penambahbaikan)

Fasa tindakan menekankan usaha pembetulan dan peningkatan berterusan berdasarkan penilaian risiko. Risiko yang ditangani meliputi aspek dalaman (operasi, kewangan, sumber manusia) dan luaran (perubahan dasar, cabaran industri). Antara strategi yang dilaksanakan termasuk:

- Penubuhan **Entiti Kecemerlangan FSPPP** seperti *Governance and Policy Studies (GAPS)*.
- Pemberian insentif seperti **FSPPP RiCAEN Publication Reward**.
- Penerbitan bersama dengan pihak industri dan penglibatan penyelidik luar. (Lampiran 6.3.b)

Kesimpulan

Aplikasi model **PDCA** telah memperkukuh budaya penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan di FSPPP. Melalui kitaran berterusan perancangan, pelaksanaan, pemantauan, dan penambahbaikan, fakulti bukan sahaja dapat meningkatkan reputasi akademik, tetapi juga menyumbang kepada pencapaian hasrat UiTM untuk mencapai kedudukan sebagai universiti bertaraf global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_O01_OB03_20251_Lampiran 6.3.a.pdf](#)
2. [F0064_O01_OB03_20252_Lampiran 6.3.b.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Hasil Jangkaan dari Aspek Pemantauan

Pemantauan berstruktur dan berterusan menjadi tunjang utama dalam memastikan pelaksanaan objektif serta inisiatif strategik Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan di FSPPP mencapai sasaran. Melalui laporan prestasi, mesyuarat jawatankuasa, serta pemantauan oleh Koordinator Penyelidikan dan RiCAEN, beberapa hasil jangkaan dapat dikenalpasti bagi menjamin kelestarian pencapaian fakulti.

1. Peningkatan Produktiviti Penyelidikan dan Penerbitan

Pemantauan sistematik membolehkan prestasi staf dinilai secara konsisten. Hasil yang dijangka ialah pertambahan bilangan penerbitan berindeks, buku akademik dan artikel ilmiah. Ini menyokong sasaran fakulti untuk mencapai **40 penerbitan berindeks menjelang 2025**, sekali gus meningkatkan reputasi akademik. (Lampiran 6.4.1.a)

2. Keupayaan Menjana Geran Penyelidikan

Melalui pemantauan nilai geran, fakulti dapat menilai keberkesanan strategi dalam mendapatkan dana. Hasil yang dijangka ialah peningkatan jumlah geran daripada pelbagai sumber – nasional, antarabangsa dan industri. Pencapaian **RM500,000 menjelang 2025** akan menjamin kelestarian kewangan dan daya saing fakulti.

3. Pengukuhan Jaringan Kerjasama

Pemantauan juga membolehkan fakulti menilai tahap keberkesanan kolaborasi dengan industri dan agensi. Hasil jangkaan ialah lebih banyak penerbitan bersama, peluang pengkomersialan, serta peningkatan jaringan strategik yang memperkukuh kedudukan fakulti di peringkat global.

4. Pembangunan Kompetensi Staf

Maklum balas berterusan memberi peluang untuk memperkukuh kompetensi akademik melalui latihan, insentif dan penyertaan dalam inovasi. Hasil jangkaan ialah peningkatan motivasi dan daya saing staf, seterusnya melahirkan budaya kerja produktif dan inovatif. (Lampiran 6.4.1.b)

5. Penambahbaikan Berterusan

Pemantauan yang berasaskan penilaian risiko memastikan tindakan pembetulan dilaksanakan segera. Hasil yang dijangka termasuk strategi mitigasi berkesan, contohnya melalui penubuhan **Entiti Kecemerlangan FSPPP (GAPS)** dan insentif penerbitan. Langkah ini mengekalkan keberkesanan strategi serta memastikan kelestarian pencapaian. (Lampiran 6.4.1.c)

Kesimpulan

Secara keseluruhan, pemantauan yang konsisten dijangka memastikan pencapaian fakulti dalam aspek penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat dipelihara secara mampan. Ia bukan sahaja memenuhi sasaran kuantitatif seperti bilangan penerbitan dan nilai geran, malah memperkukuh reputasi UiTM dalam usaha menjadi universiti bertaraf global.

SENARAI BUKTI:

1. [F0064_O01_OB04_OC01_20251_6.4.1 A.pdf](#)
2. [F0064_O01_OB04_OC01_20252_6.4.1 B.pdf](#)
3. [F0064_O01_OB04_OC01_20253_Lampiran 6.4.1.c.pdf](#)
- 4.
- 5.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kenal Pasti Risiko (Act)

Dalam kerangka **Plan, Do, Check, Act (PDCA)**, fasa *Act* memberi tumpuan kepada tindakan penambahbaikan berterusan berdasarkan penilaian risiko. Di FSPPP, pengurusan risiko dilaksanakan sebagai sebahagian daripada pengurusan operasi untuk memastikan objektif strategik dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan dapat dicapai secara mampan.

1. Pengenalpastian Risiko

Risiko dikenal pasti melalui analisis terhadap faktor dalaman dan luaran yang boleh menjejaskan operasi. Risiko dalaman meliputi aspek **operasi, kewangan, sumber manusia dan kapasiti pengurusan**, manakala risiko luaran berkait dengan **perubahan dasar kerajaan, keperluan industri, cabaran pasaran global dan persaingan akademik**.

2. Penilaian dan Keutamaan Risiko

Setiap risiko dianalisis dari segi tahap kebarangkalian dan impak terhadap pencapaian fakulti. Hasil analisis ini membolehkan fakulti memberi keutamaan kepada risiko yang mempunyai kesan kritikal, seperti kegagalan mencapai sasaran penerbitan berindeks atau kekangan dalam mendapatkan geran penyelidikan.

3. Strategi Mitigasi

Berdasarkan penilaian risiko, beberapa strategi mitigasi dilaksanakan, antaranya:

- **Penubuhan Entiti Kecemerlangan** seperti *Governance and Policy Studies (GAPS)* untuk mengukuhkan bidang penyelidikan teras. (Lampiran 6.4.1.c)
- **Pemberian insentif** seperti *FSPPP RiCAEN Publication Reward* untuk menggalakkan produktiviti penerbitan. (Lampiran 6.4.2.a)
- **Penglibatan penyelidik luar dan industri** bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber dalaman semata-mata. (Lampiran 6.4.2.b)
- **Latihan berterusan** untuk meningkatkan kompetensi staf akademik. (Lampiran 6.4.2.b)

4. Tindakan Susulan dan Penambahbaikan

Risiko yang dikenal pasti dipantau secara berterusan melalui mesyuarat pengurusan dan laporan prestasi fakulti. Setiap kelemahan yang ditemui menjadi asas kepada tindakan penambahbaikan agar strategi operasi lebih responsif, adaptif, dan berdaya saing.

Kesimpulan

Pengurusan risiko yang berasaskan pendekatan sistematik ini memastikan sebarang potensi halangan terhadap pencapaian objektif fakulti dapat ditangani lebih awal. Melalui tindakan mitigasi yang proaktif, FSPPP mampu mengekalkan kelestarian prestasi penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan, seterusnya menyumbang kepada reputasi UiTM sebagai universiti bertaraf global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_O01_OB04_OC02_20251_6.4.2 A.pdf](#)
2. [F0064_O01_OB04_OC02_20252_Lampiran 6.4.2.b.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Mengkaji Semula & Tindakan Penambahbaikan (Act)

Dalam kerangka **Plan, Do, Check, Act (PDCA)**, fasa *Act* menekankan kepada usaha mengkaji semula pencapaian serta melaksanakan tindakan penambahbaikan berasaskan penganalisan tumpuan operasi. Di FSPPP, penganalisan ini dilaksanakan melalui laporan prestasi, maklum balas mesyuarat pengurusan, serta penilaian risiko yang dijalankan oleh Unit RiCAEN dan koordinator penyelidikan.

1. Analisis Prestasi Operasi

Data operasi yang dikumpul daripada sistem seperti **MYATP, IRMIS dan PRIME** dianalisis bagi menilai tahap pencapaian dalam bidang penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan. Analisis ini membolehkan jurang antara sasaran dan pencapaian sebenar dikenal pasti, seperti kekurangan dalam bilangan penerbitan berindeks atau cabaran memperoleh geran penyelidikan.

2. Penilaian Risiko dan Cabaran

Hasil analisis turut memberi gambaran tentang risiko dalaman (sumber manusia, kewangan, pengurusan operasi) dan risiko luaran (perubahan dasar, keperluan industri, persaingan global). Penilaian ini menjadi asas untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan tindakan segera bagi mengelakkan kelemahan berulang.

3. Strategi Penambahbaikan

Berdasarkan penganalisan operasi, beberapa tindakan penambahbaikan dilaksanakan, antaranya:

- **Penyediaan insentif khusus** seperti *FSPPP RiCAEN Publication Reward* untuk meningkatkan motivasi penerbitan. (Lampiran 6.4.3.a)
- **Penubuhan entiti kecemerlangan** seperti *Governance and Policy Studies (GAPS)* bagi memperkukuh bidang penyelidikan teras.
- **Latihan dan pembangunan kapasiti staf** untuk meningkatkan kemahiran dalam penulisan, geran, dan pengkomersialan. (Lampiran 6.4.3.b)
- **Mengukuhkan jaringan industri dan penyelidik luar**, sekali gus memperluas peluang kolaborasi dan penerbitan bersama.

4. Kitaran Penambahbaikan Berterusan

Setiap cadangan penambahbaikan yang dilaksanakan dipantau dan dianalisis semula dalam kitaran PDCA seterusnya. Pendekatan ini memastikan strategi fakulti kekal responsif terhadap perubahan persekitaran akademik dan industri.

Kesimpulan

Hasil penganalisan tumpuan operasi membolehkan FSPPP mengenal pasti kelemahan, menilai risiko, serta melaksanakan strategi pembetulan yang sesuai. Melalui tindakan penambahbaikan yang sistematik, fakulti bukan sahaja meningkatkan keberkesanan operasi, malah menjamin kelestarian pencapaian selaras dengan aspirasi UiTM sebagai universiti bertaraf global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_O01_OB04_OC03_20251_6.4.3A.pdf](#)

---

- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi (Integration): Tahap Pembudayaan yang Terhasil

Keberkesanan tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan dalam bidang tumpuan **Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan** melalui kerangka **Plan, Do, Check, Act (PDCA)** telah berjaya melahirkan tahap pembudayaan yang kukuh di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP). Integrasi ini merangkumi amalan penyelidikan, penerbitan, pengurusan data, kolaborasi strategik serta pembangunan kompetensi staf yang kini menjadi sebahagian daripada budaya kerja fakulti.

1. Pembudayaan Penyelidikan dan Penerbitan

Insentif seperti **FSPPP RiCAEN Publication Reward**, latihan penulisan, serta sokongan peruntukan kewangan telah mengubah persepsi warga fakulti terhadap penyelidikan dan penerbitan. Penerbitan berindeks kini menjadi penanda aras utama prestasi, bukan sahaja untuk memenuhi sasaran universiti, tetapi sebagai simbol kecemerlangan akademik. Pembudayaan ini menjadikan setiap staf lebih proaktif untuk menghasilkan karya berimpak tinggi yang mampu meningkatkan reputasi fakulti di peringkat nasional dan antarabangsa. (Lampiran 6.4.5.a dan Lampiran 6.4.5.d))

2. Integrasi Pengurusan Data dan Analisis Prestasi

Penggunaan sistem seperti **MYATP, IRMIS dan PRIME**, yang digabungkan dengan Model Analisa Data Penyelidikan, Penerbitan dan Pengkomersialan (ADP), telah memperkenalkan budaya pengurusan berasaskan bukti (*evidence-based management*). Data tidak lagi dilihat sebagai angka semata-mata, sebaliknya menjadi asas membuat keputusan strategik. Staf kini lebih sedar bahawa pencapaian fakulti bergantung pada ketepatan data dan keupayaan menganalisis jurang untuk tindakan penambahbaikan. (Lampiran 6.3.a)

3. Pembudayaan Kolaborasi Strategik

Keberkesanan strategi penambahbaikan turut menyuburkan amalan kolaborasi dengan pelbagai pihak. Projek bersama dengan industri, agensi kerajaan dan penyelidik antarabangsa semakin meningkat, menghasilkan penerbitan bersama serta peluang pengkomersialan produk ilmu. Integrasi ini membentuk budaya kerja berasaskan jaringan strategik, di mana staf tidak lagi bergantung kepada usaha individu semata-mata, tetapi mengutamakan sinergi bagi mencapai hasil yang lebih berimpak. (Lampiran 6.4.5.b)

4. Peningkatan Kompetensi dan Daya Saing Staf

Latihan, bengkel, dan sokongan pengurusan yang berterusan telah memperkukuh budaya peningkatan kompetensi. Staf kini lebih bersedia untuk bersaing dalam pertandingan inovasi, membenteng hasil penyelidikan di persidangan antarabangsa, serta melibatkan diri dalam geran berimpak tinggi. Budaya daya saing yang sihat ini mendorong warga fakulti untuk mengekalkan prestasi yang konsisten sambil mencari peluang penambahbaikan berterusan. (Lampiran 6.4.3.a dan Lampiran 6.4.5.e)

5. Integrasi Nilai Kualiti dan Penambahbaikan Berterusan

Kitaran PDCA telah berjaya diintegrasikan ke dalam budaya operasi fakulti. Setiap tindakan dan pencapaian sentiasa dikaji semula, dinilai, dan ditambah baik. Budaya *continuous improvement* ini menjadikan warga fakulti lebih responsif terhadap perubahan dasar, cabaran industri, dan perkembangan global. Penubuhan **Entiti Kecemerlangan** seperti **Governance and Policy Studies (GAPS)** membuktikan komitmen fakulti dalam mengekalkan budaya penambahbaikan berterusan. (Lampiran 6.4.1.c dan Lampiran 6.4.5.c)

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, integrasi hasil penambahbaikan telah membentuk budaya kerja yang kukuh di FSPPP. Budaya ini meliputi amalan penyelidikan berkualiti, penggunaan data untuk membuat keputusan, kerjasama strategik, peningkatan kompetensi staf, serta komitmen terhadap penambahbaikan berterusan. Tahap pembudayaan ini bukan sahaja memperkukuh

kepastian, melalui kemajuan teknologi, penyesuaian belajar dengan aspek 5R1M akan menjadi universiti bertaraf global.

SENARAI BUKTI :

1. [F0064_O01_OB05_20251_6.4.5 A.pdf](#)
2. [F0064_O01_OB05_20252_6.4.5 B.pdf](#)
3. [F0064_O01_OB05_20253_6.4.5 C.pdf](#)
4. [F0064_O01_OB05_20254_6.4.5 D.pdf](#)
5. [F0064_O01_OB05_20255_6.4.5 E.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Kecemerlangan FSPPP diukur dengan menilai prestasi menyeluruh kesemua strategi dan inisiatif transformatif universiti seperti yang digariskan secara komprehensif di dalam Pelan Strategik UiTM 2025. Salah satu teras strategik yang diketengahkan adalah Pembangunan Penyelidikan Translasional, Inovasi dan Pengkomersialan yang berpotensi membawa universiti kepada kecemerlangan global yang berterusan dan berdaya saing tinggi.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Di peringkat fakulti, FSPPP UiTM telah mengambil langkah proaktif dan sistematik dalam memperkukuh ekosistem akademik melalui penetapan beberapa Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan elemen-elemen kritikal. Ini merangkumi tiga aspek utama: penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Matlamat utama adalah untuk memastikan pencapaian berterusan yang mampan serta meningkatkan sumbangan fakulti kepada universiti, masyarakat dan negara.

1. Meningkatkan Kualiti Penyelidikan

FSPPP melaksanakan perancangan strategik yang holistik bagi menetapkan matlamat penyelidikan yang terfokus, selari dengan kekuatan teras universiti. Sepanjang tahun 2024, fakulti telah mengenal pasti bidang tumpuan seperti tadbir urus sektor awam, polisi sosial, transformasi digital dalam pentadbiran, serta kajian dasar berkaitan Sabah dan Sarawak. Usaha ini telah menghasilkan beberapa projek geran penyelidikan berimpak tinggi, antaranya Geran Penyelidikan Nasional bertajuk "***Kajian Pengukuran Indeks Keselamatan Sempadan Negara (RM 499, 998.00)***" yang dianggotai oleh pensyarah kanan dari kampus Shah Alam dan Seremban.

Bagi mengoptimumkan sumber, FSPPP juga menubuhkan *Task Force Penyelidikan Fakulti* iaitu **RISE Forward, TEAM, Research Catalyst Program dan SIA** yang berperanan memantau kemajuan projek penyelidikan, memberi bimbingan dan membantu pensyarah mendapatkan geran luar. Hasilnya, sebanyak **23 projek penyelidikan berjaya diperolehi** melalui pelbagai geran dari universiti, kementerian, dan industri.

2. Mempertingkatkan Penerbitan Akademik

Sepanjang tahun 2024, FSPPP mempergiatkan strategi untuk meningkatkan penerbitan akademik yang berimpak tinggi. Beberapa siri bengkel penulisan dan klinik artikel telah dianjurkan, termasuk **Bengkel Penulisan Pantas Dari Tesis/Laporan Penyelidikan Kepada Buku dan Klinik Online Webinar on Matching Grant** melibatkan pakar jemputan. Fakulti turut menyediakan *Research Publication Reward (RPR)* bagi membantu pensyarah membiayai yuran penerbitan jurnal antarabangsa.

Hasil pendekatan ini, fakulti telah merekodkan peningkatan sebanyak **4 artikel jurnal berindeks Scopus dan WoS**, serta penerbitan **22 buah buku ilmiah** yang diterbitkan oleh penerbit universiti dan antarabangsa. Antaranya termasuk buku bertajuk "***Masyarakat Sivil Maya di Malaysia: Penerusan atau Perubahan***" dan "***Pelarian Rohingya: Peranan Organisasi Sivil Dalam Isu Hak Asasi Manusia***", yang ditulis secara kolaboratif oleh pensyarah dari kampus Seremban dan Shah Alam, serta telah dijadikan rujukan di beberapa institusi pengajian tinggi serantau.

3. Meningkatkan Pengkomersialan

FSPPP turut memberi penekanan kepada strategi pengkomersialan hasil penyelidikan. Sepanjang tahun 2024, dua projek telah berjaya dikomersialkan melalui platform **Book of Records (MBOR)** iaitu ***Buku Hasil Dapatan Kajian dan Indeks Keselamatan Sempadan Negara (IKSN)***, yang telah digunakan dalam program pembangunan profesional oleh **Majlis**

Keselamatan Negara dan Institut Awam Malaysia (IPSOM). Buku ini dibangunkan berdasarkan hasil kajian lapangan dan telah menjadi panduan dan rujukan kepada agensi kerajaan dalam memastikan keselamatan negara terjamin.

Selain itu, produk digital seperti **FSPPP Exam Kit** juga dalam proses pendaftaran harta intelek (IP) dan dijangka ditawarkan kepada fakulti lain sebagai sistem pemantauan dalaman. Ini membuktikan keberkesanan strategi fakulti dalam mengurusperdanakan hasil penyelidikan dan inovasi ke peringkat industri dan agensi.

Keseluruhannya, perancangan strategik FSPPP yang fokus dan menyeluruh telah membuahkan hasil yang signifikan pada tahun 2024. Kejayaan ini bukan sahaja mencerminkan kecemerlangan akademik fakulti, malah menyumbang kepada agenda besar universiti dalam meningkatkan daya saing, reputasi dan impak sosial UiTM secara keseluruhan. FSPPP akan terus melangkah ke hadapan dengan strategi yang lebih mampan, inovatif dan inklusif bagi tahun-tahun akan datang.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0064_HB02_20251_H1_F0064_HB02_20251_FSPPP_7.1.2ii_Tahap.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0064_HB03_20252_H1_F0064_HB03_20252_FSPPP_7.1.3i_Tren.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0064_HB04_20253_H1_F0064_HB04_20253_FSPPP_7.1.4i_Perbandingan.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0064_HB05_20254_H1_F0064_HB05_20254_FSPPP_7.1.5_Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Sumber manusia merupakan aset terpenting dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan universiti. Kualiti, keupayaan dan kepakaran individu menentukan kejayaan serta impak akademik dan komersial sesebuah institusi. FSPPP sentiasa komited memperkukuh pengurusan sumber manusia sebagai asas hala tuju strategik fakulti ke arah kecemerlangan lestari dan berterusan.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber manusia di FSPPP merupakan aset kritikal yang menyumbang secara langsung kepada kejayaan dalam aspek penyelidikan, penerbitan, dan pengkomersialan. Tahun 2024 memperlihatkan bagaimana tenaga akademik dan pentadbiran di kampus Seremban dan Shah Alam memainkan peranan penting dalam memperkukuh reputasi fakulti melalui pelbagai inisiatif berimpak tinggi.

1. Penerbitan

Pada tahun 2024, FSPPP terus memperkukuh budaya penerbitan ilmiah melalui pelaksanaan program *Research Publication Reward* (PPR) yang memberi insentif kepada pensyarah yang berjaya menerbitkan artikel dalam jurnal berindeks tinggi. Di UiTM Seremban, inisiatif ***Paper Machine Workshop*** telah membantu lebih 25 pensyarah menghasilkan draf artikel dalam tempoh singkat dengan panduan editor jemputan. Di Shah Alam, usaha besar dilakukan untuk menaik taraf ***Journal of Administrative Science (JAS)*** ke arah penyenaian dalam SCOPUS, termasuk penstrukturan semula editorial board dan pematuhan kepada standard penerbitan antarabangsa.

2. Penyelidikan

Tenaga akademik FSPPP juga menunjukkan peningkatan ketara dalam bidang penerbitan. Pada tahun 2024, sebanyak 132 penerbitan berjaya dihasilkan dalam pelbagai jurnal termasuk penerbitan bersama rakan antarabangsa serta berindeks Scopus seperti ***Journal of Entrepreneurship in Emerging Economy, JEBAT dan AKADEMIKA*** berbanding tahun 2023 sebanyak 101 penerbitan. Selain itu, satu kolaborasi antara pensyarah menghasilkan bab buku bertajuk ***“Etika dan Moraliti Menurut Aristotle, Bentham, Kant & Al Ghazali: Diskusi Falsafah dan Agama”***, diterbitkan oleh penerbit UKM Press.

FSPPP turut menganjurkan *bengkel seperti Research Writing Bootcamp*, insentif **penyelidikan sehingga RM1,000 dan pelbagai sesi bimbingan** bagi meningkatkan kemahiran penulisan akademik. Peserta diberikan bimbingan menyeluruh daripada peringkat draf hingga penyuntingan, sekaligus meningkatkan kadar penerimaan artikel dalam jurnal terkemuka.

3. Pengkomersialan

Walaupun FSPPP tidak mengkomersialkan produk fizikal, kelebihan fakulti terserlah dalam pengkomersialan kepakaran. Pada tahun 2024, beberapa pensyarah FSPPP seperti Dr. Mohd Ramlan bin Mohd Arshad, Dr. Muhammad Fuad Abdul Karim, Dr. Mazlan Che Soh, Dr. Hanim Ismail, dan Dr. Azman Ayob sering diundang sebagai penganalisis dasar dalam media arus perdana seperti RTM, Bernama dan Astro Awani. Selain itu, pensyarah seperti Prof. Yarina Ahmad, Prof. Madya Dr. Mahadir Ladisma, Dr. Nor Azira Ayob, Dr. Mohamed Fajil Abdul Batau dan Prof. Dr Ahmad Naqiyuddin Bakar turut menyumbang kepakaran dalam bengkel dasar negeri dan konsultasi dengan agensi kerajaan.

Sementara itu, pensyarah FSPPP berjaya melaksanakan kajian **Pembangunan Instrumen & Pelaksanaan Kajian Indeks Integriti Malaysia** dengan jumlah pembiayaan RM 500,000.00 bersama **Kementerian Dalam Negeri (KDN)**, yang dihasilkan daripada hasil

penyelidikan terdahulu. Kajian ini dilaksanakan dalam bentuk bengkel latihan, perbincangan dan input daripada pemegang taruh dan penyelidik berpengalaman dalam bidang pengurusan awam dan dasar sosial.

Penganjuran persidangan bertaraf antarabangsa 2024 seperti:

1. **ICOPS-SE (International Conference on Public Sector - Southeast Asia)**
2. **International Conference on Public Policy and Social Sciences**

memerlukan kepakaran, pengalaman dan kemahiran yang terperinci dan teliti melibatkan penjadualan, pelantikan jawatankuasa, serta pembahagian tugas. Ini secara langsung mengasah kecekapan staf fakulti.

Penglibatan staf akademik dan bukan akademik sebagai ahli jawatankuasa membolehkan **pengurusan sumber manusia** secara optimum. Selain itu, hal ini juga memberi nilai tambah berterusan kepada **rekod pencapaian (benchmarking)** dan **penarafan (ranking)** fakulti di peringkat global.

Pencapaian ini adalah bukti keberkesanan pelaksanaan strategi fakulti dalam meneroka potensi sumber manusia, seterusnya membentuk jaringan impak antara penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan ilmu secara dinamik dan relevan.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0064_HB02_20251_H2_F0064_HB02_20251_FSPPP_7.2.2i_Tahap.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0064_HB03_20252_H2_F0064_HB03_20252_FSPPP_7.2.3_Tren.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0064_HB04_20253_H2_F0064_HB04_20253_FSPPP_7.2.4_Perbandingan.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0064_HB05_20254_H2_F0064_HB05_20255_FSPPP_7.2.5_Kepentingan.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

Di peringkat fakulti, operasi dalam penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan memainkan peranan penting dalam mencapai petunjuk prestasi utama universiti. FSPPP telah membangunkan pelbagai mekanisme strategik bagi memastikan kelancaran, keberkesanan dan keberhasilan operasi dalam ketiga-tiga bidang ini secara sistematik dan mampan.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan operasi di FSPPP melibatkan perancangan sistematik, pemantauan berterusan serta sokongan padu daripada staf akademik dan pentadbiran dalam memastikan kelancaran proses berkaitan penyelidikan, penerbitan dan pengkomersialan. Proses menyeluruh ini diselaraskan bagi menjamin pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) universiti dan mengekalkan reputasi fakulti sebagai peneraju dalam bidang Sains Pentadbiran dan Polisi.

1. Penerbitan

Pada 2024, FSPPP memperkukuh budaya penyelidikan dan penerbitan melalui **Research Publication Reward** mengikut **SOP insentif penerbitan**. **Paper Machine Workshop** di UiTM Seremban dilaksanakan berlandaskan **SOP penganjuran bengkel akademik**, membantu lebih 25 pensyarah menghasilkan draf artikel dengan bimbingan editor jemputan. Di Shah Alam, penambahbaikan **Journal of Administrative Science (JAS)** ke arah penyenaian SCOPUS mematuhi **SOP pengurusan jurnal akademik**. Pelaksanaan berasaskan SOP ini memastikan keberkesanan, konsistensi kualiti, peningkatan reputasi akademik, dan potensi pengkomersialan pengetahuan fakulti.

2. Penyelidikan

FSPPP terus memperkukuh operasinya melalui inisiatif pemantapan penyelidikan dan pembangunan akademik. Melalui program seperti **FSPPP Writing Hours** dan **Research in Action**, fakulti menyediakan platform sokongan yang sistematik kepada para penyelidik dalam membina proposal geran yang berkualiti secara bimbingan langsung. Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan kapasiti penyelidikan warga fakulti, malah memperkukuh budaya penyelidikan sebagai satu teras penting dalam operasi akademik. Misalnya **FSPPP Internal Research Grant (FIRG)** dan **FSPPP Writing Hours dan Research in Action**.

Lebih ketara, peningkatan kerjasama strategik bersama agensi luar seperti **Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)**, **Kementerian Dalam Negeri (KDN)**, **Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)**, **Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM)**, **Kementerian Ekonomi**, **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** serta beberapa persatuan komuniti tempatan telah meletakkan fakulti pada landasan kukuh sebagai pusat rujukan dan penyelesaian dasar. Jumlah keseluruhan dana penyelidikan daripada kerjasama ini mencecah **RM2,227,155.39**, mencerminkan kepercayaan pelbagai pihak terhadap kepakaran dan keupayaan operasi penyelidikan fakulti.

3. Pengkomersialan

Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) sentiasa berusaha memperkukuh sistem pengurusan operasinya bukan sahaja melalui aktiviti rutin akademik, tetapi juga melalui penganjuran program berimpak tinggi seperti:

- 1. ICOPS-SE (International Conference on Public Sector - Southeast Asia)**
- 2. International Conference on Public Policy and Social Science**

Aktiviti seperti **semakan abstrak**, **penilaian kertas kerja**, **pengurusan penceramah jemputan antarabangsa**, dan **pengurusan peserta** memerlukan pelaksanaan operasi yang sistematik

dan terasulit. FSSS ini menunjukkan keupayaan fakulti dalam menguruskan projek bersekala besar secara bersepadu.

Selain itu pemantauan dan penambahbaikan berterusan (Kaizen) juga dilaksanakan. Setiap program disusuli dengan penilaian keberkesanan melalui soal selidik peserta, post-mortem dan laporan akhir, yang menjadi sebahagian daripada amalan **penambahbaikan berterusan operasi fakulti.**

Bahkan **FSPPP juga berjaya meningkatkan imej fakulti di mana** kedua-dua program ini meningkatkan profil antarabangsa fakulti serta mewujudkan rangkaian kerjasama rentas negara – selaras dengan objektif pengurusan operasi strategik universiti dan falsafah MS ISO 9001:2015.

Penganjuran dalam format hibrid atau atas talian juga menggalakkan penggunaan sistem operasi digital seperti pengurusan pendaftaran, platform pembentangan dalam talian, dan e-penerbitan prosiding, sejajar dengan amalan transformasi digital dalam operasi fakulti. Ini menunjukkan pencapaian **transformasi digital operasi yang mampan.**

Selain itu, melalui operasi hubungan luar dan penyelidikan, FSPPP berjaya membina rangkaian strategik bersama agensi kerajaan, media dan pemain industri. Jaringan ini menjadi platform untuk pengkomersialan kepakaran dan perkongsian ilmu yang berterusan di media perdana dan media sosial.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0064_HB02_20251_H3_F0064_HB02_20251_FSPPP_7.3.2_Tahap.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0064_HB03_20252_H3_F0064_HB03_20252_FSPPP_7.3.3_Tren.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0064_HB04_20253_H3_F0064_HB04_20253_FSPPP_7.3.4_Perbandingan.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0064_HB05_20254_H3_F0064_HB05_20244_FSPPP_7.3.5_Kepentingan.pdf](#)